

# CREATE

Memasyarakatkan Teknologi



Julai - Disember 2017



## PM lancar pembinaan masjid UMP



Pemangku Raja Pahang lancar pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah UMP



Pemangku Raja Pahang dianugerah Ijazah Kehormat UMP

# Kandungan



## 4 PM lancar pembinaan masjid UMP



## 6 Pemangku Raja Pahang lancar pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah UMP



## 8 Pemangku Raja Pahang dianugerah Ijazah Kehormat UMP

- 9 Buku Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj dilancar
- 10 UMP Dilantik Universiti Fokal
- 11 Pangkalan Ilmu Teknologi Kejuruteraan Kereta Api
- 12 Mahasiswa Beri Sokongan Padu Terhadap Aspirasi TN50
- 13 Pelajar UMP menang anugerah terbaik 3MT
- 14 FKP capai 99 peratus kebolehpasaran graduan
- 15 Buku *Mandarin For All* menang anugerah khas di London
- 16 UMP cemerlang dalam penyelidikan BIS 17
- 17 Penyelidik UMP raih 2 pingat emas dan 1 pingat perak dalam IENA Jerman
- 18 UMP raih pingat hasil penyelidikan terbaik dalam Pecipta17
- 19 Projek CDVisT menang emas dalam IUCEL 2017
- 20 UMP diiktiraf terbaik hasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi
- 21 Penyelidik UMP hasilkan cecair pembunuh kuman 'Sanitizer'
- 22 Pensyarah UMP rakam detik fenomena gerhana matahari
- 23 Indeks buku tingkat sitasi penerbitan UMP
- 24 FKASA kongsi kepakaran dalam kejuruteraan tanah
- 25 UMP TVET perkasa kemahiran pendidikan teknikal -Teknologis satu profesion Baharu
- 26 Perpustakaan Digital UMP Operasi 24 jam
- 27 Bengkel penyelidik muda antara negara tingkat pengurusan sungai
- 28 Pertukaran Pelajar UMP dan University Ningxia erat hubungan baik
- 29 UMP terima 2,007 mahasiswa baharu
- 30 Klik-Klik Lensa
- 32 Malam Anugerah Akademik Rai Graduan Pascasiswazah
- 33 Pembentukan Barisan Perwakilan Kepimpinan Baharu MPP UMP
- 34 Santai Berbasikal semarakkan Hari Malaysia
- 35 *Awani Rangers* UMP suntik bakat mahasiswa dalam pemberitaan
- 36 Mahasiswa dituntut mengejar kecemerlangan bangunkan aspirasi
- 37 oBIKE tawar perkhidmatan kongsi basikal untuk manfaat warga kampus
- 38 UMP luas jaringan kerjasama bersama IS:Link
- 40 UMP jalin kerjasama antarabangsa dengan Amik Tunas Bangsa dan Stikom Tunas Bangsa
- 41 Projek MyGift 'Lighting Up the Community' bantu ringankan beban keluarga asnaf
- 42 Mobiliti Hijau Alam UMP bersama Masyarakat Jawa Barat
- 43 BPA sumbang buku bangunkan perpustakaan mini untuk anak yatim
- 44 Projek *Facelift* UMP ceriakan kampung Kuala Pahang
- 45 Mahasiswa UMP berkelana curah bakti dengan komuniti Phnom Penh
- 46 UMP Memasyarakatkan Teknologi di Tammalang Hilir Satun
- 47 Staf Makmal Berpusat berbakti bersama anak yatim
- 48 UMP terima kunjungan UTEM bagi tanda aras penghijauan kampus
- 49 Fahmi timba pengalaman di China
- 50 Pelajar UMP terpilih dalam ASEAN Youth Summer Camp di China
- 51 Program Mobiliti Asean Suntik Minat Sains dan Teknologi
- 52 Program Mobiliti mahasiswa UMP di ITS Surabaya
- 53 UMP raih 4 pingat dan bakal tuan rumah SUKUM 2018
- 54 UMP rangkul pingat dalam Kejohanan Sukanun
- 55 Alumni UMP kumpul dana hulur sumbangan buat asnaf dan fakir miskin
- 56 Muhsin alumni UMP Jurutera Tani
- 57 Terbitan Terkini
- 58 Rencana/Artikel Pilihan: Program GIGvaganza: Bukan sekadar permainan biasa!

### PENAUNG

Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim  
daing@ump.edu.my

### KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim  
saifulbahri@ump.edu.my

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
safriza@ump.edu.my

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
mimirabitah@ump.edu.my

Nadira Hana Ab. Hamid  
nadira@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta  
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris  
salwana@ump.edu.my

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
noorazhar@ump.edu.my

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin  
naufal@ump.edu.my

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
lin@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan dua kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

### EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Salam sejahtera dan jutaan terima kasih kepada pembaca yang masih tidak jemu menantikan keluaran *CREATE*. 2017 bakal melabuhkan tirai dengan pelbagai kenangan manis yang dirakamkan seiring 15 tahun usia UMP.

Dalam menempuh kehidupan tanpa sempadan, UMP terus berjaya berdepan dengan pelbagai halangan dan rintangan untuk terus berjaya dan menempuh nama bukan sahaja dalam negara, malah antarabangsa. Tahniah diucapkan!

Bagi menjadi sebuah institusi pendidikan yang gah di Malaysia, pembangunan di UMP semakin berkembang. Pada 21 Julai 2017, UMP berbangga apabila Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak melancarkan pembinaan majlis UMP yang bakal menjadi mercu tanda pembangunan di Mukim Kuala Pahang yang dapat dimanfaatkan bukan sahaja dalam kalangan warga kampus malahan boleh dinikmati masyarakat sekitar Pekan.

Selain itu, UMP berbesar hati apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor UMP dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang mencemar duli menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 6 Julai 2017. Majlis menyaksikan satu lagi projek penting yang dibangunkan melalui inisiatif *MyGift* iaitu pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah secara wakaf dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang dikhususkan kepada mahasiswa UMP dari kalangan anak yatim dan asnaf di atas sebidang tanah yang berkeluasan dua ekar diperuntukkan dalam kawasan kampus UMP Pekan bagi tujuan projek ini dengan kos pembinaan berjumlah RM5 juta.

Di samping itu, UMP sekali lagi menempa nama apabila dilantik menjadi Universiti Fokal bagi program PLKI-ECRL hasil rundingan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Malaysia Rail Link (MRL) dan bagi menjayakan Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ERCL) yang dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak baru-baru ini.

Tahniah juga diucapkan kepada pelajar dan penyelidik UMP yang berjaya mengharumkan nama universiti pada pentas antarabangsa antaranya dalam Pameran Penyelidikan *British Invention Show* (BIS) di Barbican Exhibition Centre, *International Exhibition Ideas-Inventions-New Products* (IENA 2017) di Nuremberg, Jerman, Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017, dan International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2017. Tahniah juga kepada pelajar ijazah kedoktoran (PhD) Ashwin Charles Benedict apabila dinobatkan juara dengan memenangi Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition dengan menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia. Bukan itu sahaja, buku Mandarin For All terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi pingat emas dan anugerah khas dalam Pameran Penyelidikan '*British Invention Show*' di London.

Sidang editorial ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seramai 2,845 graduan yang menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam Majlis Konvokesyen UMP Ke-12 pada 18 hingga 20 November 2017. Tahniah juga kepada Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang merupakan Canselor UMP yang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan.

Sidang editorial akan terus berkarya agar *CREATE* terus bernafas memberi perkhabaran betapa hebatnya UMP. Semoga segala coretan dapat menjadi memori indah bukan sahaja dalam rakaman memori UMP, seluruh warga UMP khususnya.

Saiful Bahri Ahmad Bakarim



## PM lancar pembinaan masjid UMP

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak baru-baru ini melancarkan pembinaan masjid UMP pada 21 Julai 2017 yang bakal menjadi mercu tanda pembangunan di Mukim Kuala Pahang yang dapat dimanfaatkan bukan sahaja dalam kalangan warga Kampus malahan boleh dinikmati masyarakat sekitar daerah Pekan.

Dengan keistimewaan reka bentuk dan seni bina, kompleks masjid ini akan turut menjadi model nadi transformasi ummah, pencerahan minda dan pembangunan sosial secara progresif dan dinamik untuk dimanfaatkan dan diimarahkan secara optimum oleh warga UMP dan masyarakat.

Dalam majlis yang sama, Dato' Sri Najib mengumumkan pemilihan UMP untuk melaksanakan kursus jangka pendek dalam kursus teknologi kereta api amat bersesuaian dengan kedudukan universiti ini yang tertetak berhampiran projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL). Projek besar-besaran ini akan dilancarkan September ini dan memerlukan sokongan warga kerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi kereta api. Tambahnya lagi, UMP akan memulakan proses ini dan pengambilan pertama seramai 300 penuntut akan dibuat mulai September ini untuk kursus Teknologi Kereta api bagi tempoh enam bulan. Beliau berucap pada Majlis Pelancaran Pembinaan Masjid UMP dan Raikan Syawal bersama Komuniti serta Warga UMP di UMP Pekan baru-baru ini.

Majlis turut dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Ishak Haji Muhammad, Ketua Setiausaha KPT, Tan Sri Noorul Anuar Mohd. Nur, Ketua Pengarah Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Siti Hamisah Tapsir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd. Helmiey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, bersempena Majlis Pelancaran Majlis UMP dan Raikan Syawal bersama komuniti Kuala Pahang dan warga UMP.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, keunikan Kompleks masjid ini adalah terletak pada rekabentuknya yang bersifat mesra alam dengan

aplikasi teknologi hijau pada seni bina yang bercorak sirip (*fin shape*) yang mengambil kira arah aliran angin dan ventilasi yang mampu menyejukkan ruang solat yang berkapasiti 3,500 orang Jemaah dengan udara bersih dan segar tanpa menggunakan sistem pendingin hawa.

"Tempoh pembinaan kompleks masjid dijadualkan selama 95 minggu dan dijangka siap pada 6 Mac 2019, sekaligus menggantikan masjid sementara UMP Pekan yang kini beroperasi di aras 2, bangunan Pusat Aktiviti Pelajar. Insya-Allah dengan sempurnanya projek ini kelak, kompleks ini bakal menjadi sebuah hab pembangunan kerohanian dan insaniah komprehensif," katanya.

Dengan lokasinya yang terletak di tepian tasik UMP Pekan pasti memberi ketenangan kepada para tetamu dan pelawat yang bakal berkunjung sekaligus memberikan pengalaman ibadah dalam suasana yang selesa. Kerja-kerja awal pembinaan kini baharu sahaja bermula di tapak masjid yang berkeluasan 7.5 ekar atau 30,315 meter persegi di Pad Pembangunan Blok 5 kampus universiti ini.

Selain menempatkan masjid yang juga akan dibuka untuk orang awam, kompleks ini akan turut berfungsi sebagai nadi operasi Pusat Islam & Pembangunan Insan UMP (PIMPIN) yang dilengkapi dengan infrastruktur seperti Pejabat Pentadbiran, bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik kuliah, perpustakaan, taman asuhan kanak-kanak, ruang serba guna dan bilik pengurusan jenazah.

Katanya, dengan infrastruktur moden yang serba lengkap tersebut, pihak pengurusan komited untuk menjadikannya kompleks masjid ini satu kemegahan dan simbol kejayaan UMP dalam konteks hubungannya dengan masyarakat, bukan sahaja sebagai tempat ibadat umat Islam, tetapi juga sebagai institut penyatuan dan perpaduan.

Merencanakan usaha pembinaan ini warga kerja dan mahasiswa UMP juga turut proaktif terlibat dalam usaha pencarian dana tambahan bagi tujuan pembinaan menara setinggi 45 meter untuk melengkapkan lagi ciri fizikal kompleks masjid ini. Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPP) juga turut berperanan menggerakkan kempen 'Mahasiswa Bina

Masjid' dalam kalangan pelajar, alumni dan komuniti luar sebagai menyokong usaha ini.

Dalam pada itu, terdapat juga ruang fasiliti pembangunan sosioekonomi termasuk mewujudkan kios untuk meningkatkan pendapatan dana masjid serta dapur yang bakal dibina khas bagi memudahkan urusan penyediaan makanan untuk program iftar Jamaie. Lain-lain bahagian termasuklah pembangunan sosiobudaya dan pendidikan dengan menubuhkan kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) serta pembangunan sosiokebajikan dengan mengadakan Pusat Rawatan Islam disediakan bagi warga UMP dan komuniti yang menghadapi masalah spiritual.

Bersempena dengan majlis ini juga turut berlangsung penyampaian sumbangan daripada Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM 50 ribu kepada tabung Masjid UMP. BIMB diwakili Ketua Pegawai Syariah, Mohd Nazri Chik manakala MKG Teguh Enterprise menyumbang sebanyak RM20 ribu. Turut Menyumbang Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Noor Hasma Haron. Lebih 2,000 orang hadir untuk meraikan Syawal bersama Perdana Menteri.





## Pemangku Raja Pahang lancar pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah UMP

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang merupakan Canselor UMP dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pekan pada 6 Julai 2017 yang lalu. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Mohd. Hilmey Mohd Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Majlis menyaksikan satu lagi projek penting yang dibangunkan melalui inisiatif *MyGift* iaitu pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah secara wakaf dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang dikhususkan kepada mahasiswa UMP dari kalangan anak yatim dan asnaf di atas sebidang tanah yang berkeluasan dua ekar diperuntukkan dalam kawasan kampus UMP Pekan bagi tujuan projek ini dengan kos pembinaan berjumlah RM5 juta.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, inisiatif *MyGift* UMP menjadi *platform crowdfunding* yang sistematik dan berstruktur untuk universiti ini meneroka peluang pembiayaan bagi tujuan endowmen, wakaf pendidikan, bantuan asnaf, pembangunan fasiliti dan seumpamanya selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Katanya, pihak pengurusan menyedari kepentingan penyertaan awam dan swasta dalam usaha pembangunan infrastruktur dan penyediaan fasiliti di universiti ini melalui medium *crowdfunding* sebagai alternatif kepada pergantungan mutlak terhadap peruntukan kewangan dari kerajaan semata-mata.

"Pihak MUIP telah memberi kelulusan rasmi kepada UMP untuk memulakan kutipan wakaf bagi tujuan pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dengan bantuan dana permulaan dari MUIP berjumlah RM 400 ribu.

"Keputusan pihak pengurusan UMP untuk membangunkan

projek Kolej Kediaman Mawaddah ini adalah bertitik-tolak daripada keprihatinan mendalam terhadap kesulitan hidup dan kekangan kewangan yang dihadapi segelintir mahasiswa bagi membiayai kos penginapan sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti ini," katanya.

Menurutnya, inisiatif untuk mencari dana yang diperlukan bagi menampung kos pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah ini secara intensif sejak tahun 2016 lagi.

"Selain kutipan dana wakaf yang diterima hasil sumbangan warga kerja universiti ini melalui potongan gaji mereka, UMP turut memerlukan sokongan para dermawan dari kalangan individu perseorangan, agensi awam, pertubuhan sukarela, badan swasta dan organisasi korporat untuk turut serta menghulurkan bantuan kewangan bagi merealisasikan projek Kolej Kediaman Mawaddah ini," ujar beliau.

Tambah beliau, pembinaan bangunan asrama dua tingkat Kolej Kediaman dengan keluasan lantai 3,115.06 meter persegi ini akan dimulakan pada tahun ini juga dan dijangka siap pada tahun 2018.

Selain menyediakan kemudahan penginapan untuk 220 mahasiswa, bangunan Kolej Kediaman Mawaddah ini apabila siap kelak akan turut dilengkapi dengan kemudahan lain seperti dewan makan, ruang serba guna dan pejabat pentadbiran.

Dalam pada itu, mahasiswa dari kalangan anak yatim dan asnaf yang diberi kemudahan tempat tinggal di Kolej Kediaman Mawaddah ini akan dikecualikan daripada caj yuran penginapan sepanjang pengajian mereka di UMP.

Mahasiswa akan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada urusan akademik dan pengajian mereka tanpa perlu kluatir mengenai masalah berkaitan tempat penginapan. Lanya tentu sekali akan memotivasikan mereka untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang dan seterusnya menjadi graduan yang berdaya saing serta berupaya pula kembali menyumbang kepada universiti ini pada masa hadapan sebagai alumni yang prihatin.

Selain itu, pihak pengurusan UMP juga telah menubuhkan satu

sekretariat khas untuk menyelaraskan semua urusan berkaitan perancangan inisiatif dan penyaluran sumbangan berkaitan projek Kolej Kediaman Mawaddah bagi memastikan segala gerak kerja berjalan teratur.

Beliau mengharapkan apabila siap kelak ianya akan menjadi satu model projek wakaf pendidikan yang bukan sahaja boleh diteladani oleh institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain, malah boleh turut dikembangkan secara serius oleh kerajaan bagi menggalakkan kesedaran wakaf dan amal jariah dalam kalangan warganegara Malaysia yang prihatin.

Dalam majlis ini menyaksikan Timbalan Yang di-Pertua MUIP, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Haji Hassan menyampaikan sumbangan Tabung Wakaf berjumlah RM400,000 dan hasil kutipan kutipan MUIP berjumlah RM10,915 kepada UMP yang disampaikan kepada Dato' Dr. Daing Nasir.

Manakala Bendahari UMP, Zainuddin Othman turut menyampaikan sumbangan Tabung Wakaf UMP sebanyak RM91,767.50 hasil sumbangan warga UMP dan orang ramai untuk pembinaan kolej kediaman ini.

Lebih 2,000 tetamu hadir sama dalam meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung dengan suasana meriah.





## Pemangku Raja Pahang dianugerah Ijazah Kehormat UMP

Pemangku Raja Pahang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Tengku Abdullah AlHaji Ibni Sultan Haji Ahmad Shah hari ini dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kali Ke-12 pada 18 November 2017.

Anugerah disampaikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP. Hadir sama Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob.

Penganugerahan ini suatu pengiktirafan kecemerlangan Tengku Abdullah sebagai Tengku Mahkota Pahang sejak 40 tahun yang lepas dan sumbangan istimewa Tuanku sebagai Canselor UMP sejak tahun 2006 serta kepimpinan berwibawa Tuanku sebagai peneraju pelbagai pertubuhan di dalam dan di luar Malaysia.

"Pada usia semuda 18 tahun ketika itu, saya telah diberikan amanah yang besar oleh Paduka Ayahanda sebagai seorang Waris Ganti dengan pelbagai tanggungjawab terhadap rakyat jelata yang sentiasa dekat di hati saya dan kewajipan terhadap negeri Pahang Darul Makmur yang amat saya cintai.

Dalam tempoh yang tersebut, sehinggalah ke detik bersejarah pada hari ini, saya sentiasa belajar untuk memimpin berdasarkan pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang ditimba melalui pembacaan, pergaulan dengan mereka yang arif dan bijaksana, serta pelbagai peristiwa yang memantapkan pemikiran, pertimbangan dan tindakan saya," ujar baginda dalam menyampaikan titah.

Baginda juga menasihatkan para graduan yang bergraduasi untuk terus istiqamah menghayati nilai-nilai murni bukan sahaja dalam kehidupan peribadi, tetapi juga dalam pelaksanaan tanggungjawab profesional di tempat kerja.

Kata baginda, sebagai graduan pada hari ini, graduan telah menjadi sebahagian daripada komuniti insan terpelajar yang turut membawa status alumni UMP. Banyak masa, tenaga dan wang ringgit telah dilaburkan untuk menjadikan anda sekalian insan terpelajar, maka janganlah kerana kesilapan pertimbangan atau kecuai tindakan selepas ini, segala yang telah dilaburkan oleh keluarga dan kerajaan untuk selama ini menjadi sia-sia.

Selain itu, jawatan pada peringkat pengurusan dan profesional sama ada pada sektor awam dan swasta yang mendedahkan kepada

pelbagai tanggungjawab dan juga kuasa untuk membuat sesuatu keputusan. Hal ini tentunya menuntut akauntibiliti yang tinggi daripada anda sebagai golongan eksekutif dan profesional yang beretika dan berintegriti.

"Namun sekiranya nilai-nilai murni yang saya nyatakan tadi tidak dihayati sepenuhnya dalam jiwa, pemikiran dan tindakan anda, maka sudah tentu anda berisiko tinggi terlibat dalam penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan lain-lain bentuk jenayah kolar putih pastinya merosakkan status sebagai orang yang terpelajar," ujar baginda.

Dalam masa yang sama Tengku Abdullah turut menyampaikan anugerah kepada 23 graduan cemerlang. Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) dianugerahkan kepada graduan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri Dengan Keujian, Foo Weng Kar dan Siti Rahmah Rahim yang merupakan graduan Sarjana Muda (Keujian) Kejuruteraan Kimia.

Lain-lain Anugerah Canselor, Anugerah Naib Canselor, Anugerah Emas Universiti, Kecemerlangan Yayasan Pahang, Kecemerlangan Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan SriKandi Matahari.

Manakala dua anugerah yang baharu diperkenalkan kali ini adalah Anugerah Kecemerlangan Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat sumbangan UMP Advanced Education dan Anugerah Prihatin Komuniti Pusanita sumbangan Persatuan Suri & Anggota. Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) sebagai pemangkin semangat dan tanda penghargaan di atas usaha graduan yang berbakti kepada komuniti dan masyarakat.

Anugerah ini juga adalah bagi memberi pengiktirafan kepada penglibatan graduan dalam projek atau program berimpak tinggi yang melibatkan komuniti, masyarakat setempat, universiti, badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO).

Selain itu, baginda turut mengurniakan anugerah anumerta kepada mendiang Kamalanathan A/L Narayanan graduan Sarjana Muda (Keujian) Kejuruteraan Kimia yang meninggal dunia tanpa sempat menamatkan pengajian. Hadir menerima anugerah ibunya, Shoba A/P Perumal di bilik kamar selepas tamat sidang pertama majlis. Seramai 2845 graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dirai dalam Majlis Konvokesyen UMP kali ke-12 yang berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November 2017.





## Buku Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj dilancar

Universiti Malaysia Pahang (UMP) hari ini melancarkan buku terbitan universiti ini berjudul Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj sempena Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-12 ini pada 17 November 2017.

Karya setebal 280 halaman ini menampilkan lebih 200 keping foto informatif daripada pelbagai sumber autoritatif berhubung riwayat hidup Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah, Canselor UMP.

Penyelidikan teliti yang dijalankan selama tiga tahun ini mengandungi enam bab khusus iaitu Warisan Leluhur Berzaman, Putera Cendekia Perkasa, Cergas Tangkas, Citra Wibawa, Waris Ganti dan Tuanku Canselor.

"Selain kandungannya yang diceritakan secara menarik dengan menggunakan teknik penulisan kreatif kontemporari yang dinamakan zine, keistimewaan buku ini turut terletak pada 36 rangkap puisi yang diberi nama Syair Tengku Mahkota yang digubah khusus pada permulaan keenam-enam bab tersebut," katanya semasa berucap dalam Majlis Santapan/Jamuan Malam yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan.

Dalam pada itu, majlis turut meraikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan dalam Majlis Konvokesyen Ke-12 ke atas kecemerlangan dan pengiktirafan universiti terhadap kecemerlangan menjalankan peranan sebagai Tengku Mahkota Pahang sejak 40 tahun yang lepas.

Lebih bermakna penganugerahan ini dianugerahkan tatkala UMP menyambut sambutan 15 tahun usia UMP dan peranan diraja Kebawah Duli Tuanku kini sebagai Pemangku Raja Pahang.

Majlis dihadiri lebih 300 tetamu termasuk graduan yang bakal menerima anugerah dan hadiah kecemerlangan universiti.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.





## UMP dilantik Universiti Fokal

Seramai 50 orang yang terdiri daripada 21 graduan diploma dan 29 graduan sarjana muda dari pelbagai institusi pendidikan tinggi di seluruh negara mengikuti Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) setelah berjaya dalam sesi pemilihan yang dijalankan pihak Syarikat Malaysian Rail Link (MRL) pada 25 September 2017 yang lalu.

Pelatih ini merupakan kumpulan pertama yang akan menjalani latihan bagi meningkatkan kemahiran serta pengalaman dalam industri rel di negara ini.

Mereka dirai dalam Majlis Ramah Mesra Pengambilan Pertama Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) anjuran MRL dengan kerjasama UMP di Zenith Hotel Kuantan yang dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Darwis Abdul Razak, Pengarah Urusan Syarikat China Communications Construction (ECRL) Sdn. Bhd. (CCCC), Bai Yinzhan dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Profesor Dato' Dr. Mohd. Ismail Abd. Aziz.

UMP telah dilantik sebagai Universiti Fokal bagi program PLKI-ECRL hasil rundingan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Malaysia Rail Link (MRL) dan bagi menjayakan Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ERCL) yang dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak baru-baru ini.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kumpulan ini adalah sebahagian pelatih yang akan dilatih dalam program PLKI-ECRL yang pada peringkat permulaan mensasarkan lepasan universiti yang mempunyai kelulusan dalam bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal bagi memantapkan pengetahuan dalam bidang teknologi keretapi ini.

"UMP terbabit dalam program latihan seperti pengambilan dan pendaftaran peserta, pembangunan silibus, latihan profesional dan latihan industri, penyediaan tenaga pengajar, kemudahan latihan, penyelidikan dan pembangunan serta juga menyokong kepada agenda kebolehpasaran graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

"Selain itu, UMP telah membangunkan silibus dengan mendapat kerjasama pihak Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Southwest Jiaotong University (SWJU) bagi perkongsian pengetahuan dan teknologi dalam bidang pengangkutan kereta api.

"Pada masa ini juga, UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) juga memperkenalkan Kursus Elektif berkaitan Teknologi Rel yang akan mula ditawarkan pada semester ini," katanya.

Sementara itu, Darwis berkata, pengambilan pertama pelatih PLKI-ECRL seramai 50 ini menunjukkan komitmen jangka masa panjang pihaknya dalam membangunkan kemahiran dan kepakaran kejuruteraan dalam industri rel di Malaysia.

"Pelatih yang telah menamatkan latihan selama tiga bulan di bawah program PLKI-ECRL ini akan ditawarkan pekerjaan secara automatik oleh pihak MRL atau CCCC, ataupun oleh sub-kontraktor masing-masing. Kami berharap kumpulan bagi suku pertama tahun 2018 ini akan menyumbang ke arah pelaksanaan projek infrastruktur berimpak tinggi ini yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024 nanti.

"Program PLKI-ECRL akan melibatkan seramai 3,600 pelatih dalam tempoh lms tahun ini memberi peluang dalam kalangan pemegang ijazah dan diploma bagi kursus kejuruteraan. Tambahnya, proses pemilihan sedang dijalankan bagi pengambilan melibatkan 700 pelatih berakhir tahun 2018 nanti," katanya.

Manakala menurut Bai Yinzhan pula berkata, pihaknya menyokong penuh program latihan PLKI-ECRL yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam menjana profesional dan kepakaran dalam industri kereta api tempatan terutamanya dalam bidang reka bentuk dan pembinaan rel.

"Kami percaya program ini akan dapat menarik minat dalam kalangan pemegang ijazah dan diploma dalam bidang kejuruteraan. Dengan kehadiran seramai 50 pelatih ini sudah tentu kita dapat mencapai sasaran bagi mendapatkan seramai 700 pelatih pada tahun 2018 dan sejumlah 3,600 pelatih menjelang 2022," katanya.

Tambah beliau, pihak CCCC sebagai kontraktor utama projek ECRL, bersedia untuk menyediakan pekerjaan kepada pelatih PLKI-ECRL apabila mereka berjaya menyelesaikan latihan selama tiga bulan. Jelasnya di pihak subkontraktornya juga akan mendapatkan pelatih bagi mengendalikan latihan untuk jangka panjang.

Pelatih yang berjaya ini merupakan sebahagian daripada 760 calon yang membuat permohonan dan kumpulan seterusnya dijangka akan melapor diri pada bulan Oktober dan November ini membabitkan seramai 250 orang. Mereka juga diberi kemudahan pembelajaran dalam kampus universiti sehingga tamat latihan.



## Pangkalan Ilmu Teknologi Kejuruteraan Kereta Api



Perlaksanaan projek mega iaitu Projek Laluan Rel Kereta Api Pantai Timur (ERCL) bernilai RM55 bilion yang bakal memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi baharu negara dan kesejahteraan rakyat di tiga negeri pantai timur khususnya Pahang, Terengganu dan Kelantan. Peluang ini diambil oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan mengambil langkah positif bagi menjana pendidikan teknologi termaju. Sorotan itu, graduan-graduan UMP dari negeri yang terkenal dengan jolokan Negeri Tok Gajah harus memanfaatkan pelaksanaan tersebut. Program teknologi kejuruteraan di UMP menyediakan kepakaran dalam menjayakan pembangunan projek laluan Rel Pantai Timur.

Menerusi program teknologi kejuruteraan UMP, barisan kepakaran tenaga-tenaga pengajar yang berpotensi menyumbang tenaga kepakaran perundingan teknikal. Program kerjasama UMP dengan Universiti Jiatong Beijing serta Universiti Southwest Jiatong di China akan dapat mengukuhkan penyelidikan dan perundingan modul latihan ECRL. Dengan adanya Program Latihan Kemahiran Industri Laluan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) telah membuka mata pihak UMP untuk mengalas tanggungjawab terhadap modul latihan tersebut. Jaringan industri bersama-sama Malaysia Rail Link (MRL) dan China Communications Construction Group Limited (CCCC) dapat menjadikan penerapan pendidikan termaju direalisasikan kepada pelatih-pelatih PLKI-ECRL.

ECRL merupakan projek mega berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dapat menzahirkan peluang kepada graduan-graduan di bawah program kejuruteraan teknologi di UMP. Walaupun teknologi kereta api moden yang masih baharu di negara kita, langkah awal UMP dibawah fakulti kejuruteraan teknologi telah menzahirkan ilmu teknologi kejuruteraan menerusi program ijazah teknologi kejuruteraan. Keberhasilan menerusi program teknologi kejuruteraan program pengurusan infrastruktur, tenaga pengurusan teknikal yang dihasilkan berupaya memaparkan kebolehan memimpin pasukan projek teknologi yang berdinamik dan berketerampilan berkomunikasi dalam bahasa ketiga di UMP.

Penerapan kluster bidang pembelajaran seperti teknologi geoteknik, pengurusan projek infrastruktur, pengurusan air, teknologi ukur kejuruteraan, teknologi alam sekitar, penyelenggaraan infrastruktur dan fasiliti. Kluster ini mempersiapkan graduan teknologi kejuruteraan pengurusan infrastruktur UMP menyertai tenaga kerja bagi projek ECRL dan penyelenggaraannya. Kepakaran menerusi bidang penyelenggaraan infrastruktur yang di terapkan menerusi kurikulum pembelajaran di UMP mampu menyumbang kepakaran bagi pelaksanaan projek ini. Kecemerlangan fakulti teknologi kejuruteraan UMP menghasilkan kumpulan pertama ijazah teknologi kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) berpeluang untuk mengisi tenaga pekerja berilmu memelopori bidang kejuruteraan kereta api termoden di negara ini.

Nadi pantai timur pembangunan ECRL di KotaSAS, Pahang Darul Makmur dilihat berupaya menjadikan ERCL pencetus bandar-bandar teknologi pengangkutan baharu dan infrastruktur moden sebaris dengan teknologi pengangkutan perbandaran termaju pada peringkat global. Seluruh tanah jajaran ERCL sepanjang 688 km akan merancak landskap pembangunan sosioekonomi Pantai Timur di mana aktiviti pelancongan, sektor pembuatan dan pendidikan teknologi kejuruteraan akan meningkatkan limpahan rezeki dan pendapatan negara khasnya komuniti persekitaran.

Projek ECRL akan direalisasikan pada 2024, merupakan projek kerajaan bagi jangka panjang dapat meningkatkan sistem pengangkutan darat. Ungkapan slogan 'Menyatu Kehidupan, Memacu Pertumbuhan', ECRL dilihat mampu menjadikan UMP sebagai satu pangkalan ilmu teknologi kejuruteraan bagi persediaan kepakaran teknologi kejuruteraan termaju. Selain itu, projek teknologi berimpak tinggi ini mampu merancak ekonomi dan pendidikan berkualiti di Pantai Timur khasnya negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Mercu tanda infrastruktur utama menyerlah sebagai pemangkin kesaksamaan ekonomi dengan Pantai Barat. Justeru, ianya menandakan kecintaan dan kesejahteraan rakyat sekaligus menyediakan kemudahan pengangkutan awam bertaraf dunia.



# Mahasiswa Beri Sokongan Padu Terhadap Aspirasi TN50

Oleh: SHAZA AKMALINA BADRUL KAMAL, TENGGU NADZIRAH TENGGU MAJANI

Lebih 4,000 generasi muda dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya di Pantai Timur memberi sokongan padu dalam menyampaikan aspirasi mereka dalam Dialog Transformasi Nasional 50 (TN50) yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang pada 9 November 2017.

Siri Jelajah TN50 pada kali ini menyaksikan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkongsi pentas membincangkan tajuk 'Ke Arah Sistem Pendidikan Terbaik di Dunia' baru-baru ini.

Sebanyak 35 aspirasi berimpak tinggi berjaya disuarakan yang keseluruhannya melibatkan dua aspek utama iaitu pendidikan seimbang dan perpaduan kaum. Di antaranya adalah hasil cetusan mahasiswa UMP, Yusra Syazwani Azman untuk mewujudkan universiti sukan menjelang tahun 2050 supaya Malaysia dapat melahirkan atlet yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan malah dalam bidang pendidikan.

Selain itu isu pinjaman biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) turut disuarakan oleh mahasiswa dari UMP, Nur Aqilah Adnan, 21 yang mencadangkan agar JPA menukarkan semula status

pinjaman kepada penajaan dan seperti syarat yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, Dato' Seri Idris Jusoh juga mengatakan bahawa Malaysia satu-satunya negara yang melaksanakan Program Dua Universiti + Dua Industri (2u2i) yang kini sedang dilaksanakan di beberapa universiti awam dalam meningkatkan sistem pendidikan tinggi di negara.

"Pandangan mahasiswa mahu melihat negara yang maju dan bersatu padu, adil, sikap yang lebih *humanistic* kepada rakyat dan menjadi asas kepada TN50," katanya.

Sementara itu, Khairy mengharapkan negara mampu menggunakan *Digital Age* sebagai platform untuk pendidikan seperti yang telah dilaksanakan di negara-negara Eropah dan Malaysia tersenarai di antara 20 sistem pendidikan terbaik di dunia kelak. Semua aspirasi ini akan dikumpul dan dibukukan yang mengumpulkan aspirasi belia 2020. Pada masa ini, TN50 telah pun masuk ke fasa kedua apabila kumpulan masa depan telah pun mengadakan perbincangan yang mengambil kira lebih 1.2 juta rakyat di negara ini. Program turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesot Dato' Ts. Dr Daing Nasir Ibrahim dan barisan pengurusan universiti dan pemimpin setempat.



## Pelajar UMP menang anugerah terbaik 3MT

Pelajar ijazah kedoktoran (PhD) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ashwin Charles Benedict mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan juara dengan memenangi Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition dengan menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia pada 29 September 2017.

Lebih menarik Ashwin turut meraih *People's Choice Award* apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland.

Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang dibangunkan oleh University of Queensland. Pertandingan ini membangunkan akademik, persembahan, dan kemahiran komunikasi penyelidikan dan menyokong pembangunan kapasiti pelajar dengan berkesan untuk menerangkan penyelidikan mereka dalam bahasa yang sesuai.

Menurut Ashwin Charles, 32 yang berasal dari Petaling Jaya ini berkata, beliau tidak menyangka tajuk tesisnya '*Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel*' berjaya menarik perhatian juri

sehingga meraih kemenangan dengan membawa pulang geran bernilai 5000 AUD dan 1000 AUD sebagai geran penyelidikan.

"Sokongan daripada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) iaitu Dato' Dr. Hasnah Haron serta sesi latihan bersama jurulatih berpengalaman yang dilantik iaitu Dr. Chiam Kee Swan dan Normala Samsudin, yang merupakan pensyarah dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) banyak membantu dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dibentangkan dalam tiga minit," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan pencapaian ini. Katanya, kemenangan ini diharap akan menyuntik semangat pelajar lain untuk menyertai program ini serta dapat berkongsi penyelidikan dengan khalayak ramai dan penemuan penyelidikan mereka boleh dibentangkan dengan cara ringkas, padat dan mudah difahami.

Turut mengiringi Ashwin Charles Benedict adalah Natalie Vanessa Boyou daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mewakili Malaysia ke peringkat akhir di Brisbane Australia.



## FKP capai 99 peratus kebolehpasaran graduan

Tiga fakulti Universiti Malaysia Pahang (UMP) capai peratusan tertinggi dalam kebolehpasaran graduan (GE) sepanjang tahun 2016. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) diiktiraf terbaik apabila mencapai 99.1 peratus diikuti Fakulti Kejuruteraan Teknologi (FTeK) pada kadar 97 peratus ketiga Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) pada kadar 96.1 peratus.

Kejayaan ini membolehkan UMP mencapai sebanyak 95.1 peratus graduan yang berjaya memperoleh pekerjaan mengikut rekod Tracer Study (TS) sepanjang tahun lalu.

Pengumuman dibuat Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir merasmikan Majlis Malam Apresiasi dan Makan Malam *Graduate Employability* (GE) dan *Tracer Study* (TS) pada 27 Ogos 2017 yang lalu di Swiss Garden Resort Kuantan sebagai menghargai warga kerja universiti yang terlibat dalam menjayakan aktiviti GE dan TS bagi tahun 2016.

Hadir sama dalam majlis, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail, Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid dan Pengarah Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC), Dato' Jeffrey Khor Choi.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, pencapaian ini merupakan peningkatan yang boleh dibanggakan dengan berkat hasil kerjasama Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya (CPDC), Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) bersama pihak fakulti dan pusat tanggungjawab UMP.

Menurutnya, pelbagai program yang telah dianjurkan oleh CPDC dan fakulti untuk memberi kefahaman yang lebih baik untuk memenuhi keperluan pasaran kerjaya masa depan graduan daripada pelbagai syarikat. Antara syarikat yang terlibat seperti RP Chemicals, Kaneka Malaysia, TT Elektronik, dan banyak lagi telah memberikan pendedahan kepada pelajar UMP dalam menghadapi cabaran kerjaya

pada masa akan datang.

"Selain itu juga, turut diadakan inisiatif dalam memotivasikan pelajar untuk persediaan kerjaya masa depan seperti pelancaran 'Indie-Zone' dan Program *Finish Up & Move On* (FUMO).

"Pelajar juga turut mengikuti sesi 'mock interview' bagi meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk bersedia menjalani sesi temu duga yang sebenar," katanya.

Sementara itu, bagi pelajar tahun akhir pula akan diberi pendedahan dalam melengkapkan diri melalui penyediaan "One Page Resume" atau OPR yang merupakan satu inisiatif untuk graduan UMP mempunyai resume yang seragam dan lengkap serta memudahkan persediaan mereka menghadapi temu duga yang mereka bakal tempuhi.

Tambahnya lagi, pelajar turut mengikuti Program *Boot Camp* yang dianjurkan bersama pihak TalentCorp Malaysia untuk melengkapkan dengan beberapa kemahiran seperti kemahiran Insaniah, persediaan temuduga, sesi grooming dan etika pemakaian untuk menghadiri temu duga.

Ujarnya lagi, beliau optimis melalui usaha dan komitmen yang padu oleh semua pihak akan menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna dan berimpak tinggi demi memastikan agenda GE & TS ini mencapai suatu yang bermakna di peringkat nasional.

Dato' Dr. Daing Nasir percaya seluruh tenaga dan penggerak program ini melalui kerjasama strategik pelbagai pihak mampu memaknakan kerjasama ini menurut koordinat yang telah ditetapkan sebagaimana yang dihasratkan.

Beliau juga menyasarkan peningkatan GE & TS pada kadar 96 peratus pada tahun hadapan. Dalam pada itu, pencapaian ini turut memberi impak kejayaan terhadap Pelan Strategik UMP 2020 bagi Lonjakan Strategik 1 UMP iaitu Keunggulan Akademik untuk menghasilkan graduan yang berkelayakan dan berkualiti.



## Buku *Mandarin For All* menang anugerah khas di London

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Buku *Mandarin For All* terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenangi pingat emas dan anugerah khas dalam Pameran Penyelidikan 'British Invention Show' di London pada 7 November 2017 yang lalu.

Buku tulisan Guru Bahasa dari Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Yong Ying Mei itu adalah sebagai persediaan bagi menduduki ujian Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) yang dilengkapi dengan penggunaan teknologi pendidikan iaitu pengimbas semak kod QR untuk audio.

Beliau yang juga ketua projek bagi penyelidikan *Mandarin For All* itu berkata, usaha berkenaan adalah hasil kerjasama dari pasukannya, Cheng Chin Yee untuk menghasilkan buku yang sesuai untuk calon HSK, terutamanya pelajar bukan natif.

"Kandungan buku direka berdasarkan silibus HSK tahap satu dan dua yang memenuhi syarat *Common European Framework of Reference for Language* (CEFR). Keberkesanan ini turut diperakui apabila pelajar bukan Cina dapat menguasai bahasa Mandarin dalam tempoh 28 jam.

"Kejayaan ini turut dipengaruhi oleh inovasi dalam pembangunan teknologi pendidikan melalui pengimbas semak kod QR dengan telefon pintar untuk mempelajari sebutan bahasa Mandarin," katanya.

Sebelum ini, produk berkenaan turut memenangi pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun ini seperti Anugerah Buku Negara (ABN), Ekspo Penyelidikan, Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (CITREX) dan Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX).

Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata pencapaian berkenaan adalah yang terbaik setakat ini berikutan

memenangi anugerah di luar negara dan buku berkenaan boleh didapati di Penerbit UMP dengan harga RM45 senaskhah dan bakal dimuat naik di dalam e-Book Penerbit tidak lama lagi.

Katanya, usaha gigih guru bahasa berkenaan wajar dicontohi oleh penyelidik bagi menghasilkan buku yang berkualiti dan baik untuk kegunaan pelajar dan masyarakat

"Kami amat mengalu-alukan kerjasama daripada penulis sekiranya mempunyai idea untuk mengembangkan ilmu pengetahuan menerusi penulisan buku dan modul.

Kami juga bersedia membantu dan membimbing pensyarah dalam bidang penulisan sekiranya mereka berminat untuk menghasilkan buku," katanya.





Lima penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada tiga pensyarah dan dua mahasiswa menang telah berjaya mengharumkan nama universiti pada pentas antarabangsa apabila meraih lima pingat emas, dua *Double Gold*, satu *Diamond* dan satu *Platinum* dalam Pameran Penyelidikan *British Invention Show* (BIS) yang berlangsung di Barbican Exhibition Centre pada 18 hingga 21 Oktober 2017 baru-baru ini.

“Kejayaan ini merupakan pemangkin kepada para penyelidik UMP untuk mencipta produk yang dapat dikomersialkan dengan menghasilkan produk dan teknologi yang berpotensi untuk dimanfaatkan umum.

Universiti sentiasa komited untuk menyempurnakan tanggungjawab sosialnya secara terarah, selaras dengan agenda Memasyarakatkan Teknologi yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bagi membangunkan potensi dan daya saing universiti ini dengan membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat,” katanya yang hadir mempengerusikan sidang media meraikan kecemerlangan penyelidik UMP di UMP Pekan.

Projek penyelidikan bertajuk *Ethylene Glycol Based Hybrid (TiO<sub>2</sub> AND Zno) Nano-Coolant For Sustainable Green Machining* oleh Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal menang pingat emas dan Anugerah Platinum untuk membantu dalam kalangan pekerja yang terdedah kepada kesan penggunaan cecair *coolant* terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.

Manakala penyelidikan bertajuk *Mandarin For All* oleh Yong Ying Mei dan Cheng Ching Yee dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, menang pingat emas dan *Double Gold*. Penyelidikan ini berkisar ciptaan inovasi mengenai pembangunan teknologi pendidikan melalui penggunaan audio dalam bentuk QR Code dalam mempelajari bahasa Mandarin bagi meningkatkan kemahiran bahasa Mandarin sebagai medium komunikasi antarabangsa.

Bagi Yong, dengan teknologi ini memudahkan mahasiswa dan orang ramai meningkatkan kecekapan berbahasa Mandarin yang memenuhi keperluan sukatan silibus Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) dan piawaian *Common European Framework Reference of Language*

(CEFR) yang diiktiraf dunia. Pelajar bukan Cina dapat menguasai bahasa Mandarin dalam jangka masa pendek apabila terbukti 126 mahasiswa UMP berjaya lulus ujian HSK dalam tempoh 28 jam (dua jam sehari dalam tempoh dua minggu) dengan cemerlang.

Dalam pada itu, hasil penyelidikan bertajuk *Intelligent IOT Test* oleh Dr. Abdulrahman A. Alsewari dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian juga menang pingat emas. Penyelidikan dijalankan bersama Profesor Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli, Ameen A.B.A Homaid, Taha H.Rassem, Nasser Tiran dan Robin Posten. Perisian IOT ini membantu untuk menjana set ujian untuk menguji sistem IOT berasaskan interaksi. Selain daripada harga yang lebih murah, sistem ini juga menjana set ujian yang lebih efisien daripada produk komersial di pasaran. Perisian ini memberi fleksibiliti untuk interaksi boleh ubah dan boleh diguna pakai untuk semua sistem operasi seperti Windows, MAC dan Linux.

Sementara itu, penyelidikan Harraz Irfan Nazaruddin iaitu mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik iaitu *High Speed Railway Algorithm (A study on a proposed Malaysian High Speed Railway Rolling Stock and Protection Systems)* di bawah seliaan Profesor Madya Dr. Mohd. Razali Daud turut menang pingat emas dan *Double Gold*. Projek ini pada asasnya membina Model Kereta api Berkelajuan Tinggi yang dihasilkan dengan menaik taraf sistem keselamatan iaitu ATP-PEKA (Perlindungan Kereta api Automatik- Penyelia Kelajuan Automatik) secara automatik yang boleh mengurangkan kelajuan kereta api. Lebih menarik ianya dilengkapi peta (*On-Board Maps*) yang berfungsi seperti GPS yang menunjukkan kedudukan di rangkaian keretapi.

Begitu juga penyelidikan *Hybrid Energy Generation for Highway Lighting System* oleh Norazlin Hassan, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Persekitaran) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan di bawah seliaan Dr. Abu Yousuf dan Dr. Yasir H. Naif juga menang emas dan *Diamond Award*. Penyelidikan inovasi hasil gabungan tenaga solar dan tenaga angin sebagai sumber tenaga utama dalam membangunkan sistem pencahayaan lampu di lebuh raya menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui.





## Penyelidik UMP raih 2 pingat emas dan 1 pingat perak dalam IENA Jerman

Oleh: MUHAMMAD NASIRUDDIN MANSOR

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus melakar kejayaan dengan meraih dua pingat emas dan satu pingat perak daripada tiga projek penyelidikan yang dipertandingkan dalam pameran antarabangsa International Exhibition Ideas-Inventions-New Products (IENA 2017) yang diadakan di Nuremberg, Jerman pada 5 November 2017 yang lalu.

Pingat emas diraih pensyarah kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Dr. Norazura Ismail dengan projek penyelidikan bertajuk 'Novel Dust Explosion Database (UMP-Dex) For Accident Prevention'. Projek penyelidikan ini berkaitan pengurusan pangkalan data yang dilengkapi dengan Letupan Habuk Kalkulator.

Menurut Dr. Norazura, produk ini dibangunkan melalui pengajaran yang dipelajari dari proses insiden keselamatan yang berkaitan dengan letupan habuk.

"Ia membolehkan industri untuk meramalkan berlakunya letupan habuk untuk menentukan mekanisme kawalan risiko yang sesuai sebagai langkah pencegahan," katanya.

Dalam pada itu, pingat emas juga turut diraih pensyarah kanan dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Md Saiful Azad dari dengan tajuk penyelidikan 'Vibration-And-Pattern (VAP) Code: A Smart And Secure Authentication Scheme'.

Projek penyelidikan ini adalah berkaitan Getaran-Dan-Kod corak (VAP) yang merupakan kata kunci laluan grafik yang baharu untuk kekunci telefon pintar masa kini.

Manakala projek penyelidikan Dr. Md. Arafatur Rahman juga dari FSKKP yang bertajuk 'IOT Enabled Relay Network For Designing An Energy Efficient Highway Lighting System' pula berjaya meraih pingat perak.

Projek penyelidikan ini berkaitan penjimatan penggunaan elektrik sistem lampu lebuah raya yang lebih cekap dan bersifat mesra alam.





# UMP raih pingat hasil penyelidikan terbaik dalam Pecipta17

Oleh: MUHAMMAD NASIRUDDIN MANSOR

Universiti Malaysia Pahang (UMP) raih kejayaan 100 peratus apabila dianugerahkan enam pingat emas, dua pingat perak dan tujuh pingat gangsa dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017 yang diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu pada 9 Oktober 2017 yang lalu.

Pingat emas disumbangkan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) iaitu Dr. Noormazlinah Ahmad dengan projek *'Oligowell: Inulin Complex from Two Steps Production by Using Agricultural Desolation'* yang merupakan inovasi terbaru dalam penghasilan bahan prebiotik atau dikenali sebagai OLIGOWELL™-Inulin Complex Inulin.

Bagi Dr. Noormazlinah, Inulin biasanya yang terdapat di pasaran kebanyakannya diperolehi dari pengeluar terbesar dunia iaitu China, United Kingdom dan Jerman.

"Kebergantungan pada sejenis sahaja bahan mentah iaitu Akar Cikori dan juga permintaan yang semakin meningkat apabila mendapat perhatian untuk naik taraf setiap makanan dan minuman bagi menawarkan ke kualiti premium dengan adanya penambahan bahan prebiotik ini menyebabkan harga yang ditawarkan sangat mahal.

"Inovasi ini juga menjadi lebih signifikan apabila ianya bukan hanya menawarkan sejenis sahaja prebiotik (Inulin) malahan dengan gabungan pemanis alternatif yang juga prebiotik yang sangat berkhasiat pada bayi dan pesakit diabetik iaitu *Fruktooligosakarida* (FOS) menjadikan produk ini lebih kompleks dan memberikan kesan dual yang optimum pada segenap lapisan masyarakat," katanya.

Selain itu, cara penghasilannya juga amat berbeza yang mana tidak menggunakan kaedah ekstrak dari pelarut tetapi menggunakan kaedah bioproses hijau dengan hanya menggunakan tindak balas enzim dengan buah-buahan tempatan. Maka, dengan adanya inovasi ini menjadikan OLIGOWELL™-Inulin Complex yang pertama dihasilkan di Malaysia dan juga ke peringkat antarabangsa.

Pingat emas turut diraih Profesor Dr. Hayder A. Abdul Bari dari FKKSA dengan projek *'Novel Fabrication Method of Medical Pre-Testing Microfluidics Blood Flow Chip'* dan Mohd Najib Razali dengan projek *'G-TREAT: Smart System for Water Sustainability'*.

Manakala dua lagi pingat emas diraih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Muzamir Hasan dengan projek *'Encased Bottom Ash Column: Sustainable Ground Improvement Method'* dan Abdul Syukor Abd Razak dengan projek *'Pisoptera@: Novel Green Technology Solution for Eliminating Subterranean Termite'*. Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) juga menang pingat emas dengan projek *'Novel Tool-Wear Mapping for Nano-coolant Based Green Machining Process'*.

Sementara itu, pingat perak pula disumbangkan oleh Dr. Vo Nguyen Dai Viet dari FKKSA dengan projek *'A Reactor for Hydrogen Production with Low CO<sub>2</sub> Emission'* dan Dr. Yasir Hashim Naif dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) dengan projek *'Flood Monitoring System'*.

Selain itu, pingat gangsa dimenangi Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli b Abdul Wahab dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan projek *'Bio Psychotherapy Kit'*, Profesor Madya Dr. Mahadzir Ishak dari FKM dengan projek *'Pulse Wave Mode Technique of Low Power Fiber Laser for Metal Welding'*, Dr. Ftwi Yohannes Hagos juga dari FKM dengan projek *'Tri-Fuel Emulsion As Environmental Friendly Alternative Fuel'* dan Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas Maniam dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dengan projek *'Food for Fatty Algae'*.

Begitu juga dengan Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy dari FKASA dengan projek *'Concrete : Environmental Friendly And Low Cost Material'*, Profesor Madya Dr. Arun Gupta dari FKKSA dengan projek *'MDF-Soft a Simulation Software for Wood Composite Industry'* dan Dr. Muhammad Noman Kabir dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dengan projek *'A Web-Extension for Authentication of Online Quran Texts'*.

Dalam pada itu, Profesor Dr. Hayder A. Abdul Bari turut memenangi Anugerah Khas bagi projek *'Novel Fabrication Method of Medical Pre-Testing Microfluidics Blood Flow Chip'*.

Pecipta 2017 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) telah disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.



## Projek CDVisT menang emas dalam IUCEL 2017

Oleh : MOHD. SHAHRI MOHD AKHIR

Projek penyelidikan pensyarah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) bertajuk *Curriculum Design Visualization Tools (CDVisT): Facilitating Educators in Designing Well-balanced Responsive Curriculum* raih pingat emas dalam penganjuran International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2017 yang diadakan pada 27 September 2017 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Projek yang diketuai Aziman Abdullah ini adalah berkaitan penggunaan alatan produktiviti dalam bentuk perisian templat lembaran kerja (*spreadsheet template*) bagi penyediaan reka bentuk kurikulum berasaskan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM/MQF) iaitu akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kajian dijalankan bersama pensyarah lain iaitu Dr. Azhar Kamaludin, Dr. Awanis Romli, Profesor Madya Dr. Mazlina Abdul Majid, Profesor Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah dan Wan Nor Afiqah Wan Othman.

“Kelebihan sistem ini ia menjimatkan masa bagi mereka yang terlibat dalam proses penggubalan kurikulum baharu dan semakan kurikulum dengan fungsi automasi dan analisis visual seperti penggunaan graf yang ada di dalam perisian *Microsoft Excel*,” ujar Aziman yang mengharapakan sistem ini akan dapat ditambah baik

untuk memenuhi keperluan baru MQA berkaitan KKM 2.0.

Turut menang pingat emas, Munira Abdul Razak Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu dengan projek *i-E.R.A.T Divo*. Sementara itu, projek *Japanese Fun Learning on e-Learning using RINA JAP Let's Practice Japanese!* yang diketuai oleh Syahrina Ahmad dan projek *Learning Malay Language Using Social Network Application Based on 7 Domains of Communication* yang diketuai oleh Jamilah Bebe Mohamad dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) juga membawa pulang pingat perak. Manakala pingat gangsa disumbangkan oleh Dr. Rashidi B Abbas dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dengan projek *X-PLO-rasi T.A.R.T.I.L.*

Pengarah Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL), Dr. Azhar Kamaludin berkata, kejayaan ini sekaligus memberikan suntikan semangat yang lebih baik dalam memperhebatkan lagi penghasilan projek-projek yang berteraskan pembelajaran di atas talian.

Bagi penganjuran IUCEL 2017 kali ini, sebanyak 177 projek dipertandingkan dan karnival ini berlangsung selama dua hari telah disempurnakan upacara perasmian oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris Jusoh.



## UMP diiktiraf terbaik hasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus meningkat dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi apabila berjaya meraih kejayaan demi kejayaan dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Kejayaan hasil inovasi UMP memenangi Anugerah Inovasi Negara Kategori Produk pada National Innovation and Creative Economy (NICE) Expo 2017 membuktikan penyelidikan UMP diiktiraf terbaik. Hasil produk PISOPTERA® berteknologi hijau yang pertama di Malaysia ini mesra alam dan sangat sesuai digunakan dalam masalah berkaitan dengan serangan anai-anai.

UMP Ecopest Sdn. Bhd. merupakan syarikat terbitan UMP dalam mengkomersialkan produk kawalan anai-anai dan produk kawalan serangga (PestKilla). Ianya juga mendapat fasilitasi pengkomersialan melalui dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) di bawah Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC).

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti sentiasa komited untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sosialnya secara terarah, selaras dengan agenda Memasyarakatkan Teknologi yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 bagi membangunkan potensi dan daya saing masyarakat ini dengan membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat.

"Kejayaan ini akan menyuntik semangat warga UMP untuk terus menyokong dan memperkasa pengkomersialan teknologi di universiti ini dengan menghasilkan produk dan teknologi yang berpotensi untuk dimanfaatkan umum. Misalannya melalui produk seperti PISOPTERA masyarakat dapat mengatasi masalah buangan sisa yang tidak terkawal di samping mendapat pulangan dalam bentuk kewangan.

"Masalah bahan buangan tandan sawit kosong telah dimanfaatkan melalui teknologi PISOPTERA yang mana bahan buangan berkenaan ditukarkan kepada bahan kawalan anai-anai yang bernilai tinggi dan komuniti yang dimanfaatkan adalah industri perumahan dan bangunan komersial," katanya.

Selain itu sebagai galakan dan rangsangan kepada ekosistem penyelidikan dan inovasi yang mengarah kepada memasyarakatkan teknologi, UMP telah memperkenalkan dana khas dinamakan UMP-Community Technology Solution Platform Grant yang akan membantu menyediakan penyelesaian kepada keperluan komuniti dan industri melalui pendekatan teknologi.

Ia termasuklah kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi dimiliki UMP yang sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat akar umbi seperti keperluan tenaga elektrik, bekalan air bersih dan penggunaan bahan bakar.

Lebih membanggakan UMP Ecopest Sdn. Bhd. dan UMP Keraglow Sdn. Bhd. dipilih menerima anugerah *University Start up Recognition Award* menerusi program QB3 Train-the-Trainer oleh Malaysian Bioeconomy Corporation di atas prestasi cemerlang syarikat.

Universiti ini juga sedang menyusun langkah untuk memberi sokongan yang lebih padu kepada produk-produk yang berpotensi untuk dikomersialkan selain mampu memberi manfaat kepada masyarakat.

Selain itu, terdapat juga produk-produk lain yang dibangunkan UMP dan telah memberi manfaat kepada masyarakat seperti Phytogreen, Base Oil, DiaClean, G-Brick dan WASRA.

Dalam pada itu, UMP menang 100 peratus apabila dianugerahkan enam pingat emas, dua pingat perak dan tujuh pingat gangsa dalam Pecipta 2017 yang diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.

Produk kawalan anai-anai, PISOPTERA, dihasilkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam, Abdul Syukur Abd Razak ini turut memenangi pingat emas dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2017 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi baru-baru ini.

Pingat emas turut disumbangkan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) iaitu Dr. Noormazlinah Ahmad dengan projek *Oligowell: Inulin Complex from Two Steps Production by Using Agricultural Desolation* yang merupakan inovasi terbaru dalam penghasilan bahan prebiotik yang dikenali sebagai inulin yang dihasilkan melalui teknologi UMP dipasarkan dengan nama *OLIGOWELL Inulin Complex*.

Inovasi ini bukan hanya menawarkan sejenis sahaja prebiotik (Inulin) malahan dengan gabungan pemanis alternatif yang juga prebiotik yang sangat berkhasiat pada bayi dan pesakit diabetes iaitu Fruktooligosakarida (FOS) menjadikan produk ini lebih bermanfaat di mana ia memberikan dwi-kesan yang optimum pada segenap lapisan masyarakat.

Selain itu, cara penghasilannya juga amat berbeza yang mana tidak menggunakan kaedah ekstrak dari pelarut tetapi menggunakan kaedah bioproses teknologi hijau melalui tindak balas enzim dengan buah-buahan tempatan.

Maka, dengan adanya inovasi ini, *OLIGOWELL Inulin Complex* merupakan kompleks inulin yang pertama dihasilkan secara komersial di Malaysia dan berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Pingat emas dan anugerah khas turut diraih Profesor Dr. Hayder A. Abdul Bari dengan projek '*Novel Fabrication Method of Medical Pre-Testing Microfluidics Blood Flow Chip*'. Lain-lain penerima pingat emas adalah Mohd Najib Razali dengan projek '*G-TREAT: Smart System for Water Sustainability*', raih penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Muzamir Hasan dengan projek '*Encased Bottom Ash Column: Sustainable Ground Improvement Method*' dan Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan projek '*Novel Tool-Wear Mapping for Nano-coolant Based Green Machining Process*'.

Pingat perak pula disumbangkan oleh Dr. Vo Nguyen Dai Viet dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Dr. Yasir Hashim Naif dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK). Manakala pingat gangsa dimenangi Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab (PBMSK), Profesor Madya Dr. Mahadzir Ishak (FKM), Dr. Ftwi Yohaness Hagos (FKM) dan Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas Maniam (FSTI). Begitu juga dengan Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy (FKASA) Profesor Madya Dr. Arun Gupta (FKKSA) dan Dr. Muhammad Nomani Kabir (FSKKP).



## Penyelidik UMP hasilkan cecair pembunuh kuman ‘Sanitizer’

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan penyelidikan berkaitan penghasilan cecair pembunuh kuman Sanitizer dengan menggunakan daun sireh dan dapat mengelakkan masalah kulit merengsa.

Diketuai oleh pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, pada asalnya idea ini bermula dengan pencarian formula khas yang boleh menjadi antiseptik untuk digunakan dalam kehidupan melalui daun binahong.

“Penyelidikan ini bermula pada tahun 2008 yang pada masa itu kami menggunakan daun binahong dalam menghasilkan produk seperti sabun dan krim. Namun penyelidikan tersebut dianggap kurang berjaya kerana kelihatan tidak menarik dan sukar dipasarkan.

“Seterusnya kami meneruskan penyelidikan lanjutan untuk menghasilkan produk antiseptik cecair pembunuh kuman sanitizer dengan menggunakan daun sireh. Kini, produk ini berjaya terhasil dengan dikenali sebagai Germ Free Hand Sanitizer yang bukan sahaja berfungsi sebagai cecair pembunuh kuman malah dapat mengelakkan masalah kulit merengsa,” katanya.

Ujar beliau lagi, produk ini berjaya mengatasi masalah kulit merengsa yang sering dialami pengguna apabila menggunakan sanitizer sedia ada di pasaran berikutan penggunaan etanol iaitu bahan kimia alkohol yang asasnya dari petroleum.

“Antara ciri-ciri lain yang terdapat pada produk ini iaitu ia mudah kering di tangan pemakai, tanpa perlu dibilas, kulit pemakai akan lembab apabila memakainya serta bauan lemon yang menyegarkan si pemakai.

Tambahnya lagi, bagi memastikan produk ini selamat digunakan,

produk ini telah diuji di Makmal Bioserasi dan Klinik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pada masa sama juga produk ini dalam proses mendapatkan persijilan halal bagi cecair pembunuh kuman dan ia perlu melalui pelbagai proses termasuk perakuan pengurusan amalan terbaik daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Proses ini mempunyai tiga peringkat dan kita kini berada di tahap ketiga, antara aspek diambil kira adalah memastikan kebersihan makmal, sekiranya berjaya memperolehnya maka peluang mendapat persijilan halal agak tinggi.

Selain itu, UMP bakal menjadi pengeluar pertama yang mendapat persijilan halal bagi produk cecair pembunuh kuman dan pengguna juga tidak perlu waswas menggunakannya.

Sehingga kini, pengguna yang menggunakan produk ini terdiri dalam kalangan warga UMP serta sebuah hospital swasta.

Berdasarkan maklum balas pengguna yang diterima rata-rata memberikan maklum balas positif seperti kulit pemakai lebih lembab, bau limau yang menyegarkan dan tidak merengsa seperti produk lain.

Bagi memudahkan penggunaannya, produk ini dibotolkan dengan isi kandungan sebanyak 80ml dan ianya mudah disimpan dan dibawa dengan hanya berharga RM12 sebotol. Selain untuk penggunaan harian, pihaknya juga turut menyediakan kotak yang bersesuaian untuk dijadikan cenderamata.

Beliau mengharapkan produk ini akan diterima dan memberi manfaat kepada masyarakat seterusnya dapat dipasarkan secara meluas kerana secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya kebersihan (*Hygiene*) terutama tangan.



## Pensyarah UMP rakam detik fenomena gerhana matahari

Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Ustaz Ahmad Irfan Ikmal Hisham menyertai satu kumpulan pengkaji dan ahli astronomi amatur Malaysia dalam misi mencerap fenomena gerhana matahari penuh di Oregon, Amerika Syarikat pada 21 Ogos 2017 yang lalu.

Beliau yang sedang menyambung pengajian ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang Hadith dan Astronomi telah berjaya merakamkan video dan gambar eksklusif sepanjang fenomena itu berlaku.

Menurut Ustaz Irfan, gerhana matahari penuh kali ini agak unik kerana ianya hanya boleh disaksikan di satu garisan merentasi pantai barat ke pantai timur Amerika Syarikat.

“Jutaan penyelidik dan ahli astronomi berkumpul di situ bagi menyaksikan fenomena yang berlaku sekitar dua minit. Beberapa kajian lanjutan seperti perubahan suhu serta pengaruh gerhana kepada tabiat manusia dan haiwan turut dilakukan,” katanya.

Tambah beliau, fenomena gerhana matahari penuh telah berlaku di Indonesia tahun lepas. Di Malaysia katanya, kita akan dapat menyaksikan gerhana matahari cincin pada 26 Disember 2019 di selatan tanah air serta di Sarawak.

Selain itu, gerhana matahari penuh yang akan datang akan berlaku, antaranya di Amerika Selatan pada 2 Julai 2019 dan sekali lagi di Amerika Syarikat pada 8 April 2024. Video rakaman beliau boleh ditonton dalam <https://youtu.be/AnLmQTjivog>.





## Indeks buku tingkat sitasi penerbitan UMP

Oleh: MUHAMMAD AZLI SHUKRI

Pengindeksan buku adalah strategi baharu dalam kalangan penerbit universiti dalam usaha mempromosikan profil pembaca dan pengarang mereka di peringkat antarabangsa.

Justeru, Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga tidak terkecuali dalam usaha mencapai aspirasi ini pihaknya bekerjasama dengan Profesor Madya Dr. Shahryar Sorooshian dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dengan memulakan gerak kerja untuk menyebarkan buku-buku terbitan Penerbit UMP dalam pelbagai pangkalan data yang bersesuaian.


Menurut Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd. Ghani Awang, pengindeksan buku akan meningkatkan sitasi penerbitan UMP serta strategi penjenamaan untuk UMP dan hasilnya, buku pertama Penerbit UMP berjudul *Collection of Teaching Cases for Business Administration Studies* (ISBN 978-967 2054-50-4) telah diindeks dalam *Open Science Framework* (OSF) dan terbuka untuk diakses di seluruh dunia.

“Buku tersebut akan muncul di *Google Scholar*, *Mendeley* dan beberapa lagi pangkalan data yang lain dan ini merupakan usaha serta inisiatif berterusan Penerbit UMP dalam membantu universiti untuk meningkatkan skala *webometrik*.”

“Strategi usaha sama tersebut adalah kaedah terbaru hasil kerjasama antara Penerbit UMP dan penulis untuk merealisasikan hasrat universiti dalam menerbitkan buku pada peringkat antarabangsa.

“Sehubungan itu, kami amat menggalakkan sokongan mana-mana penulis yang berhasrat untuk menerbitkan buku bersama kami dalam pelbagai bidang akademik,” katanya.

Tambah beliau, mengindeks buku adalah salah satu platform untuk meningkatkan sitasi kepada mereka selain dari penulisan artikel di dalam jurnal.





## FKASA kongsi kepakaran dalam kejuruteraan tanah

Oleh: WAN MUSLIMIN WAN NAWANG

Fakulti kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan bengkel *Introductory Course on Peat Soil Engineering* pada 10 Ogos 2017 bagi memberi pendedahan terhadap kejuruteraan tanah gambut serta proses-proses pengambilan sampel tanah bagi tujuan pembinaan dan sebagainya.

Menurut Dekan FKASA, Dr. Mohamad Idris Ali, peserta yang hadir berpeluang menambah ilmu pengetahuan mengenai jenis-jenis tanah yang sesuai untuk pembinaan dan bagaimana menentukan kaedah yang sesuai untuk merawat tanah sebelum ianya dapat dimanfaatkan bagi tujuan tertentu.

“Penyertaan mereka juga membolehkan peserta diberikan lima mata CPD dan 10 mata CCD daripada pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),” katanya yang hadir menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan pelajar institusi pendidikan tinggi.

Bagi pensyarah FKASA, Dr. Youventharan a/L Duraisamy berkata, tanah gambut asalnya tidak sesuai untuk pembinaan namun ianya boleh dirawat mengikut jenis tanah dan kaedah tertentu. Hadir sama dalam program ialah Perunding W&T, Ir. Wan Saidi Wan Yahya menyatakan sokongan beliau terhadap program ini pada masa akan datang yang boleh dikongsi dengan pekerja lain.







## UMP TVET perkasa kemahiran pendidikan teknikal -Teknologis satu profesion Baharu

Penganjuran Pameran Penyelidikan UMP TVET Exposition 2017 yang berlangsung selama dua hari di Kompleks Sukan UMP Gambang pada 20 dan 21 September 2017 membabitkan hampir 100 penyelidik mampu memperkasa latihan kemahiran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini. Program yang bertemakan TVET Memacu Kelestarian Masa Hadapan (*Driving Sustainable Future With TVET*) ini merupakan anjuran Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) dan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa dalam memacu transformasi Malaysia untuk meningkatkan akses kepada pendidikan kemahiran berkualiti dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa universiti. Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah yang turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Timbalan Pendaftar MBOT, Mohd Khairuddin Rais.

Menurut Datuk Wira Dr. Abu Bakar berkata, penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan salah satu perkembangan penting yang telah menyumbang kepada transformasi ekosistem TVET dalam pembangunan tenaga berkemahiran tinggi untuk memacu pertumbuhan ke arah negara maju. Selain itu, perhatian khusus harus diberikan bagi memperkukuhkan hubungan MBOT dengan universiti tempatan, khususnya Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah membentangkan Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik dan diluluskan di Parlimen pada tahun 2015. "MBOT sebagai badan yang memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa TEVT. Justeru, pada masa ini satu lagi profesion baharu untuk sama-sama menyumbang seperti bidang kepakaran lain untuk pembangunan negara selain daripada arkitek, jurutera, peguam dan doktor, iaitu ahli teknologis," katanya.

Sementara itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, program ini bertujuan untuk menyahut hasrat dan seruan kerajaan dalam mempromosikan TVET serta menarik minat teknologis dan juruteknik khususnya graduan insitisi pendidikan tinggi (IPT), institusi pendidikan dan latihan teknik dan vokasional serta pihak industri untuk bersama-sama mempamerkan hasil inovasi dan penyelidikan berkaitan TVET. Tambah beliau, UMP memberi tumpuan (fokus) terhadap bidang berkaitan kejuruteraan kimia, kejuruteraan automotif dan teknologi kejuruteraan. Begitu juga UTHM (sivil kejuruteraan), UTeM (teknologi pembuatan dan ICT) serta UniMAP (kejuruteraan elektronik).

Selain UMP antara yang menyertai adalah seperti Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), TATI Universiti Kolej dan IKBN Besut. Sebanyak empat kategori yang dipertandingkan iaitu Sarjana Muda dan ke atas [Universiti, Politeknik, Kolej Komuniti, Sijil Kemahiran Mara (SKM) Tahap 6 hingga 8 Industri & Agensi Luar, Diploma, Sijil, Sijil Kemahiran Mara (SKM) Tahap 1 hingga 5, kategori Sekolah Menengah dan kategori Sekolah Rendah. Sepanjang program ini turut diadakan pelbagai aktiviti menarik seperti sesi perkongsian: *Successful Story from a Professional Technologist* (TS) bersama ikon yang terlibat dalam pembinaan menara jam Mekah iaitu Wan Nazri Wan Aria.

Turut diadakan *Forum - Engineering Technology: From The Perspective Of English Speaking World Vs Continental World* melibatkan panel yang terkemuka bersama Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), Tan Sri Dato' Dr. TS. Ahmad Zaidee Laidin, Profesor Karlsruhe University Of Applied Sciences (Hska), Jerman, Profesor Dr.-Ing. Hans-Werner Dorschner dan Ketua Pegawai Operasi, Stormwater Management and Road Tunnel (Smart), Sharifah Alauyah Wan Othman serta pengantara ialah Pengarah CAIC, Profesor Madya Dr. Mohd Ruslim Mohamed.



## Perpustakaan Digital UMP Operasi 24 jam

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Perpustakaan Digital untuk terus menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan masyarakat setempat pada 13 November 2017.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP Pekan.

Menurut Naib Canselor, perwujudan Perpustakaan Digital ini perlu dilihat kepentingannya dari sudut peningkatan capaian koleksi perpustakaan bagi manfaat warga kerja dan mahasiswa UMP, khususnya akses mereka terhadap bahan-bahan rujukan yang berkualiti dan berautoriti dalam format atas talian.

Tambahnya lagi, inisiatif ini sewajarnya dilihat sebagai satu respons strategik UMP terhadap realiti baharu global yang dicorakkan oleh transformasi landskap telekomunikasi dan juga the *Internet of Thing* (IoT).

"Dengan adanya Perpustakaan Digital dapat meningkatkan capaian koleksi perpustakaan bagi manfaat warga kerja dan mahasiswa UMP, khususnya akses mereka terhadap bahan-bahan rujukan yang berkualiti dan berautoriti dalam format atas talian," katanya.

Justeru, katanya perwujudan Perpustakaan Digital ini sebagai satu inisiatif teknologikal yang inovatif bagi maksud pengembangan peranan Perpustakaan UMP secara lebih strategik dan kontemporari, sekaligus mengekalkannya sebagai sebuah pusat rujukan yang dinamik, komprehensif dan inklusif.

Selain itu, peranan Perpustakaan UMP kini dilihat lebih intensif dalam mendukung pelaksanaan Kursus Atas Talian Terbuka (MOOC) melalui perkhidmatan yang mengambil kira enam aspek berikut iaitu sumber yang banyak dan tidak terhad, kepelbagaian jenis bahan, platform yang sesuai dengan penggunaan Internet di komputer, telefon bimbit dan tablet; akses tidak terhad (*unlimited access*) serta *mobile friendly*.

Sementara itu, Ketua Pustakawan UMP, Tuan Haji Ruslan Che Pee berkata, pada masa kini Perpustakaan UMP merupakan perpustakaan hybrid yang mana integrasi antara perpustakaan konvensional dan digital.

"Di samping itu, ianya bertujuan mempromosikan inisiatif perpustakaan dalam menyediakan informasi dan sumber digital bagi membantu dan memudahkan semua pengguna untuk akses koleksi tersebut," katanya.

UMP kini memiliki sembilan koleksi digital antaranya UMP *Institutional Repository (UMPIR)*, *EZPROXY*, *Online Tutorial* dan yang terbaharu adalah eCollIB. Keistimewaan eCollIB membolehkan pengguna mengakses keseluruhan tesis jika dibandingkan sebelum ini pengguna hanya boleh mengakses 24 muka surat sahaja. Pengguna boleh mengakses sumber digital ini menerusi laman sesawang Perpustakaan UMP di [umplibrary.ump.edu.my](http://umplibrary.ump.edu.my).

Majlis diserikan dengan tayangan video montaj, *demo live* cara mengakses sumber digital juga pameran herba untuk kesihatan dan kecantikan, pokok hiasan dan sebagainya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrrie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi, Abd. Hamid Majid, Ketua Pegawai Kewangan, Zainuddin Othman juga Penasihat Undang-undang, Datin Wan Maizurina Wan Othman serta Timbalan Ketua Pustakawan UMP, Hajah Kamariah Gono.





## Bengkel penyelidik muda antara negara tingkat pengurusan sungai

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan bengkel bertajuk *"The 5th International Young Researchers Workshop on River Basin Environment and Management"* yang berjaya mengumpulkan seramai 55 peserta penyelidik muda dari negara Malaysia, Jepun, Australia, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Nepal.

Sebanyak 32 kertas kerja dibentangkan dengan memfokuskan pengurusan sungai dan persekitaran dalam bengkel yang berlangsung di Hotel Swiss Garden Resort Kuantan pada 28 Oktober 2017 yang lalu.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim, pengurusan sungai adalah penting bagi memastikan kebaikan bagi ekosistem, justeru tindakan proaktif diperlukan bagi melindungi alam untuk dimanfaatkan generasi akan datang.

"Saya juga berharap lebih banyak kolaborasi antara UMP dengan pihak luar dapat dijalinan untuk memberi manfaat pada masyarakat.

"Bengkel ini menggalakkan penyelidik-penyelidik muda berumur 30 tahun ke bawah untuk berjumpa dan berbincang berkenaan permasalahan berkenaan pengurusan dan persekitaran lembangan sungai.

"Terdapat lima pembahagian skop dalam bengkel ini iaitu pengurusan air, sumber air dan pengurusannya, kualiti air dan implikasi terhadap kesihatan, teknologi persekitaran dan skop berkaitan isu-isu persekitaran semasa," katanya.

Selain itu beliau mengharapkan dengan penganjuran bengkel ini peserta dapat membina rangkaian, berbincang tentang permasalahan dan memperoleh lebih banyak idea dalam mempertingkatkan pengurusan

sistem sungai di negara masing-masing.

Pembentangan ucapatama disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim bertajuk *'Environment (Water) Issues and Challenges in Malaysia'* yang banyak membincangkan pemuliharaan sumber air dari pencemaran bagi kemaslahatan manusia. Ianya juga bagi memastikan kuantiti air mencukupi untuk kegunaan masyarakat kelak.

Turut hadir Dekan FTEK, Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab Wahid, Pengarah *Interdisciplinary Centre for River Basin Environment*, Universiti Yamanashi, Profesor Kazama Futaba, Profesor Nishida Kei, Profesor Madya Tadashi Toyama, Assistant Profesor Takashi Nakamura, dari Universiti Yamanashi Jepun.

Dalam masa yang sama turut berlangsungnya Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UMP dan Yamanshi Universiti, Jepun.

Kerjasama bermula dengan penglibatan sepuluh orang pelajar yang mempunyai kedudukan cemerlang dalam akademik dari FTEK ke Universiti Yamanshi, Jepun untuk program *Sakura Exchange in Science* pada tahun 2016. Program pertukaran pelajar ini dibiayai sepenuhnya oleh Japan Science and Technology Agency (JST).

Sepanjang program, pelajar telah didedahkan kepada proses perawatan air dan pengeluaran sumber bio dari sisa air dengan menggunakan mikroorganisma dan tumbuh-tumbuhan serta mempraktikkan penggunaan alat instrumen analisis berteknologi tinggi.



## Pertukaran Pelajar UMP dan University Ningxia erat hubungan baik


Seramai 20 orang pelajar yang menuntut di Universiti Ningxia, China mengikuti program mobilti pertukaran pelajar (*Inbound*) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama satu semester bermula 12 September lalu. Pelajar ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) di bawah seliaan Ketua Program Automatif, Dr. Mohd Ruzaimi Mat Rejab.

Dalam masa yang sama, seramai 11 orang pelajar dari FKM turut dihantar ke sana bagi mengikuti program mobilti pertukaran pelajar (*Outbound*) mempertingkatkan hubungan kerjasama akademik di antara UMP dan University Ningxia, China. Bagi Dr. Mohd Ruzaimi, UMP menggalakkan kerjasama dua hala dalam institusi antarabangsa bagi meningkatkan kualiti akademik universiti dalam merealisasikan agenda pengantarabangsaan.

“Program seumpama ini dapat melahirkan graduan yang berdaya saing dalam persediaan menempuh alam pekerjaan. Selain itu, ia dapat memberi pendedahan dan pengalaman bagi pelajar untuk mempelajari budaya dan corak pembelajaran mereka bersama pelajar luar di sana,” katanya.

Menurut Dr. Mohd Ruzaimi, sepanjang tempoh enam bulan, pelajar UMP akan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pengajaran dan Latihan, University Ningxia, China, Profesor Dr. Bo Zhang.

Pengantarabangsaan UMP dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan negara lain mampu melahirkan graduan lebih berdaya saing dan global. UMP turut menghantar pelajar ke negara lain termasuklah India, Indonesia dan Turki.





## UMP terima 2,007 mahasiswa baharu

Seramai 2,007 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendaftar pada hari pertama program pendaftaran bagi mengikuti program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2017/2018 pada kali ini yang berlangsung serentak di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang dan Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan pada 28 Ogos 2017 yang lalu.

Hadir meraikan mahasiswa dan keluarga adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yunus.

Profesor Dato Dr. Daing Nasir berkata, pada kemasukan pelajar sesi akademik ini, UMP menawarkan 26 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda termasuk program kejuruteraan, program teknologi kejuruteraan, program sains komputer, program dwiijazah, pengurusan industri, program sains gunaan dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

"UMP menawarkan program dwi-ijazah bertaraf antarabangsa melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dengan Kepujian dengan Northern Illinois University (NIU), Amerika Syarikat," katanya.

Pada tahun ini juga, UMP menawarkan program baharu iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian di bawah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Dalam pada itu, seramai 22 mahasiswa baharu yang mendaftar masuk UMP kali ini turut menerima Skim Bantuan Insentif Pendidikan bernilai RM 1,000 bagi seorang mahasiswa diluluskan untuk manfaat mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan.

Bantuan ini disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni bertujuan membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai

masalah kewangan yang mendesak menyediakan keperluan berkaitan bagi memulakan pengajian di sini.

Usaha ini adalah sebahagian daripada Inisiatif *MyGift* yang diperkenalkan UMP dalam usaha menjadi universiti komuniti dan sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.

UMP juga menyediakan kaunter rundingan yang melibatkan Jabatan Bendahari, Bahagian Pengurusan Akademik dan Unit Pemiayaan dan Kebajikan Pelajar bagi membantu memberi nasihat dan rundingcara bagi pelajar yang mempunyai masalah berkaitan yuran pengajian dan sebagainya.

Menurut salah seorang penerima sumbangan Intensif Pendidikan ini, Nik Muhammad Azzam Nik Mat, 20 dari Kampung Kubang Telaga Bachok Kelantan amat berterima kasih dengan sumbangan dan bantuan yang UMP berikan.

Ayahnya Nik Mat Saamah, 65, terharu apabila Nik Muhammad merupakan satu-satunya anak yang berjaya ke universiti.

Begitu juga dengan Nor Farah Diana Azad yang mengikuti pengajian di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.

Ayahnya, Azad Mohd Ismail terpaksa menyewa kereta untuk menghantar beliau dan membawa ibu dan adik beradiknya yang lain semata-mata untuk memastikan hadir mendaftar masuk universiti.

Beliau tidak menyangka berpeluang mendapat kemudahan insentif pendidikan ini dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh hingga tamat pengajian.

Minggu Induksi Siswa (MINDS) berlangsung mulai 27 Ogos hingga 2 September ini melibatkan semua pelajar baharu. Selain taklimat akademik dan pengenalan kepada kehidupan kampus turut diadakan program Majlis Amanat Naib Canselor dan Ikrar Mahasiswa dan Program bersama Majlis Perwakilan Pelajar.



**BERGAMBAR....** Perdana Menteri Malaysia bergambar bersama Majlis Perwakilan Pelajar UMP sewaktu Majlis Perasmian Pecah Tanah Masjid UMP.



**MESRA...** Semakan terakhir bagi pendaftaran pelajar baharu.



**ANGKAT SUMPAAH...** Majlis Perwakilan Pelajar mengangkat sumpah di hadapan Pengurusan Tertinggi UMP.



**TUNGGU....** Naib Canselor UMP menunggu giliran bagi pemeriksaan kesihatan sempena Program Gotong-royong Perdana@Facelift D'Kuala.





**PELUANG....** Pelajar UMP mengambil peluang bergambar bersama KDYM Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah dalam Majlis Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah UMP.



**FACELIFT....** Sukarelawan melibatkan diri dalam aktiviti membaik pulih, mengecat, membersihkan kawasan dan mengindahkan kediaman sempena Program Gotong-royong Perdana@Facelift D’Kuala.



**SWAFOTO....** Menteri Pendidikan Tinggi dan Naib Canselor UMP swafoto bersama pelajar UMP dalam Siri Jelajah TN50.



**TN50....** Lebih 4,000 belia di Pantai Timur menyertai Siri Jelajah TN50 bagi mendengar perkongsian mengenai 'Ke Arah Sistem Pendidikan Tinggi di Dunia' di antara Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pendidikan Tinggi.

# Klik-Klik Lensa



## Malam Anugerah Akademik Rai Graduan Pascasiswazah

Institut Pengajian Siswazah (IPS) dengan kerjasama Persatuan Pascasiswazah (PGA) menganjurkan Malam Anugerah Akademik dan Apresiasi pada 18 November 2017 memberi penghargaan kepada graduan pascasiswazah yang cemerlang dalam akademik, kokurikulum dan aktiviti kemasyarakatan sepanjang melanjutkan pengajian sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Hadir menyampaikan anugerah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus yang turut dihadiri Dekan Institut Pengajian Siswazah UMP, Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron.

Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli, penganjuran ini dapat memberi suntikan semangat untuk siswazah dalam mencipta kecemerlangan dalam pendidikan tinggi dan meraikan sumbangan dan penglibatan siswazah pascasiswazah yang telah mengharumkan nama UMP di persada antarabangsa dan kebangsaan.

"Penganjuran program bersempena Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-12 ini bukan sahaja menobatkan siswazah cemerlang dalam kerja kursus, akademik dan kokurikulum, namun memberi pengiktirafan kepada pensyarah atau penyelia terbaik dalam menggraduat pelajar mereka dalam tempoh yang ditetapkan atau sinonim dengan *Graduate On Time*," katanya.

Majlis menyaksikan Anugerah Pelajar Terbaik Kluster Kejuruteraan dianugerahkan kepada graduan program Sarjana Kejuruteraan Mekanikal, Luqman Abdul Hakim dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal manakala bagi Anugerah Pelajar Terbaik Kluster Teknologi milik graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Fakulti Pengurusan Industri, Wahidah Padeli.

Bagi graduan Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kimia), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Dr. Nor Shahirah Mohd Nasir pula dipilih sebagai penerima Anugerah Tesis Terbaik bagi Kluster Kejuruteraan dengan tajuk penyelidikan '*Syngas Production From Catalytic Glycerol Pyrolysis Over Rare Earth Promoted Ni/Alumini*

*Catalysts*' di bawah seliaan Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui.

Sementara itu, penerima Anugerah Tesis Terbaik bagi Kluster Teknologi pula, dianugerahkan kepada Dr. Midhun Harilal, graduan Doktor Falsafah (Fizik) dari Fakulti Sains & Teknologi Industri dengan tajuk penyelidikan '*Synthesis And Characterization Of Hybrid Nanowires Of Cobalt Oxide And Transition Metal Oxides As Electrode For Supercapacitors*' di bawah seliaan Profesor Dr. Jose Rajan.

Penerima Anugerah Penyelia Terbaik bagi Kluster Kejuruteraan pula dianugerahkan kepada Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, yang mana beliau telah berjaya menggraduat enam pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah dalam tempoh yang ditetapkan pada tahun ini.

Dalam pada itu Profesor Madya Dr. Mohd Zuki Salleh, pensyarah dari Fakulti Sains & Teknologi Industri pula telah dipilih sebagai penerima Anugerah Penyelia Terbaik bagi Kluster Teknologi yang mana beliau berjaya menggraduat dua pelajar doktor falsafah dalam tempoh yang ditetapkan.

Ia termasuklah siswazah Doktor Falsafah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Mohamad Redhwan Abdul Aziz menang johan Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) 2017, siswazah Doktor Falsafah, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Ashwin Charles Benedict, yang telah memenangi tempat kedua dalam *Falling Walls Lab 2017*, di Berlin, Jerman. Lain-lain dua pensyarah UMP iaitu Profesor Dr. Hayder A. Abdul Bari dan Profesor Ir. Dr. Nik Abdullah Nik Mohamed atas komitmen dalam memperkerusi peperiksaan lisan (Viva) bagi pelajar Doktor Falsafah yang terbanyak pada tahun ini.

Majlis juga dihadiri Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Ishak Ismail, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dato' Zularisam Ab Wahid dan Timbalan Dekan IPS, Profesor Datin Mimi Sakinah Abd Munaim. Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor Dato' Zularisam Ab Wahid dan Presiden Persatuan Pascasiswazah UMP, Rubaiyi Mat Zaid.





## Pembentukan Barisan Perwakilan Kepimpinan Baharu MPP UMP

Majlis Penyerahan Watikah dan Angkat Sumpah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) sesi 2017/2018 yang berlangsung di Dewan Senat Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak Pekan menyaksikan seramai 27 orang perwakilan mengangkat sumpah taat dan setia dalam menjalankan tanggungjawab mewakili lebih 10,000 pelajar UMP pada 25 September 2017 Pekan dan Gambang.

Acara penyerahan watikah dan angkat sumpah diketuai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2017/2018 iaitu pelajar Tahun 3 Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Muhammad Amrun Aniq Mohamed Saidi diikuti perwakilan lain di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr Daing Nasir Ibrahim.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pen. Naib Canselor (Hal-Ehwal Korporat dan Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail, Pendaftar, Abd. Hamid Majid dan Penasihat Undang-undang, Datin Wan Maizurina Wan Othman.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, keupayaan MPP untuk menahkikan kepimpinan berimpak melalui kualiti kerja, profesionalisme, kematangan berfikir dan kerjasama baik daripada warga mahasiswa dan warga kerja membuktikan kewibawaan mereka.

"Kabinet MPP sesi 2017/2018 ini menyaksikan kombinasi muka lama dan baharu bagi menunaikan amanah kepimpinan yang dimandatkan oleh warga mahasiswa. Kombinasi ini sebagai satu kelebihan dan kekuatan yang membolehkan pendekatan dan dasar MPP terus dapat disetarakan dengan aspirasi strategik UMP," katanya.

Beliau mengharapkan satu lagi dimensi utama yang perlu mendasari kepimpinan MPP kali ini ialah keupayaan untuk menjuarai ekspresi suara dan inisiatif berkaitan isu-isu sejagat terutamanya yang berkaitan dengan kemanusiaan, keamanan dan alam sekitar.

Dalam pada itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir masih menanti saat persidangan sulung Parlimen Mahasiswa UMP yang pernah diikrarkan MPP 2016/2017 melalui gagasan Parlimen Mahasiswa.

Beliau mengharapkan supaya MPP Sesi 2017/2018 ini meneruskan usaha yang telah dirintis tersebut bagi supaya gagasan yang dijanjikan kepimpinan sebelum ini benar-benar menjadi realiti sebagai merealisasikan kematangan intelektualisme dan keunggulan kebijaksanaan dalam kalangan mahasiswa UMP.

Sementara itu, Muhammad Amrun Aniq yang berasal dari Kuantan berkata, pengalaman menjadi salah seorang jentera pilihan raya mendorong beliau untuk bertanding sebagai salah seorang calon bagi sesi ini. Dengan manifesto untuk membantu pelajar dari golongan kurang berkemampuan dengan perlaksanaan program anak angkat kafeteria, beliau mengharapkan dapat meringankan beban segelintir pelajar yang berdepan masalah ini agar mereka dapat memberi tumpuan terhadap pembelajaran.

Dalam majlis yang sama, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut merakamkan penghargaan atas sumbangan barisan kepimpinan ahli kabinet MPP 2016/2017 yang diketuai Mad Yasir Ahmad Basir yang telah memberi sumbangan dan kerjasama yang baik dengan pihak universiti.



## Santai Berbasikal semarakkan Hari Malaysia

Lebih 100 orang mengambil bahagian dalam program berbasikal UMP Fun Ride sejauh 40 km anjuran Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung dari UMP Kampus Pekan ke sekitar bandar Pekan pada 16 September 2017 yang lalu.

Hadir melepaskan peserta di Pusat Aktiviti Pelajar adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd Rahman Haji Safie.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, program sukan berbasikal ini dianjurkan sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 dalam Menjana Kegemilangan seterusnya menjadikan UMP sebagai Universiti Teknologi Terunggul dengan menyediakan kepelbagaian aktiviti membudayakan gaya hidup sihat.

"Program ini adalah sebahagian daripada aktiviti menyemarakkan sambutan Hari Malaysia dan dapat memperkenalkan kampus UMP kepada masyarakat sekeliling.

"Selain itu, program sebegini dapat menyokong usaha universiti dalam memperkenalkan budaya dan tempat menarik di Negeri Pahang terutamanya di Pekan bersempena Tahun Melawat Pahang serta memperkenalkan UMP sebagai Pusat Edu-Tourism Pahang," katanya.

Antara laluan peserta melibatkan Tanjung Selangor, Tanah Putih, Muzium Pekan, Padang Polo dan Kampung Marhum.





## Awani Rangers UMP suntik bakat mahasiswa dalam pemberitaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama pihak Astro Awani mengadakan Bengkel Awani Rangers UMP bagi mencari dan melatih bakat baharu mahasiswa dalam bidang pengacara dan pemberitaan sebagai salah satu aktiviti dalam menjenamakan universiti.

Seramai 30 orang pelajar dari Kelab Media Massa hadir menyertai bengkel yang berlangsung selama satu hari di Dewan Bankuet Bangunan Canseleri Tun Razak UMP Kampus Pekan pada 6 November 2017 yang lalu.

Menerusi pengalaman ini juga, mahasiswa berpeluang meneroka peluang dalam pelbagai bidang dalam meningkatkan kemahiran insaniah dalam menyalurkan maklumat dan mengupas isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka.

Hadir menyampaikan ceramah, penyampai berita Saluran Hal Ehwal dan Berita Terkini 24 Jam Astro AWANI, Ashwad Ismail dan penyampai TV, Hilal Azmi yang banyak berkongsi pengalaman menjadi wartawan.

Menurut Ashwad, pihak Astro Awani juga menawarkan satu pengalaman istimewa kepada mahasiswa UMP sebagai pelatih.

“Program latihan ini merupakan platform untuk mencari dan melatih pelajar-pelajar yang berminat menjadi pemberita untuk mengupas dan melaporkan isu-isu semasa berkaitan kandungan tempatan seperti isu kampus, semasa dan lain-lain.

“Pelajar diberi kebebasan untuk mengupas sebarang isu yang berlaku di sekeliling tempat tinggal pelajar berkenaan meliputi berita

dari kampus, berita komuniti atau apa-apa sumber berita yang relevan.

“Setiap berita ini akan dipilih dan disaring semula sebelum diterbitkan. Dengan kata lain, tidak semua berita yang dihantar itu akan diterbitkan,” katanya.

Tambah beliau lagi, namun mereka akan diberikan latihan dan bimbingan dalam kewartawanan dan pemberitaan oleh editor dan wartawan Astro Awani yang akan menjadi nilai tambah dan kemahiran insaniah (*soft skills*) kepada diri mereka pada masa akan datang.

Sementara itu, Presiden Kelab Media Massa UMP, Jannatul Najwa Ramlee dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) berkata, walaupun tidak mempunyai latar belakang kewartawanan, ia tidak menghalang beliau dan mahasiswa lain untuk meneruskan minat dalam bidang ini.

“Selain itu, pengisian di dalam bengkel ini mampu membentuk keyakinan dalam diri serta bekerja dalam pasukan,” katanya.

Hadir sama dalam majlis penutup Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pendaftar, Abd Hamid Majid, Timbalan Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Saiful Bahri Ahmad Bakarim, Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Fatimah Ali dan Penolong Pegawai Teknologi maklumat PBMSK, Badrul Naim Abidin.

Selain taklimat, pihak Astro Awani turut berpeluang mengadakan lawatan ke Studio Rakaman UMP bertempat di PBMSK dalam mengenal pasti penggunaan alat teknikal berkaitan siaran dan audio visual.

Bengkel berakhir dengan latihan amali dan pembentangan berkumpulan dalam menyelesaikan tugas.



## Mahasiswa dituntut mengejar kecemerlangan bangunkan aspirasi

Mahasiswa universiti dituntut memaknakan kehidupan kampus dengan mengejar kecemerlangan dalam membina keunggulan peribadi, pengajian dan cita-cita kerana universiti adalah tempat semaian membentuk intelektualisme diri untuk menjadi insan yang boleh berbakti untuk agama, bangsa dan negara.

“Universiti berperanan membentuk individu seimbang yang bukan sahaja pandai namun boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

“Justeru, UMP memperkenalkan Sistem Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang sedang dilaksanakan di universiti ini bagi menilai kebolehan graduan bukan sahaja daripada segi peningkatan akademik malah turut menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi,” kata Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Katanya, pelaksanaan Sistem Profil Pelajar di universiti juga mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan kemahiran interpersonal.

“Dengan iklim pendidikan tinggi yang semakin mencabar dan pasaran pekerjaan serta ekonomi global yang kompetitif, mahasiswa perlu meneliti kesiap-siagaan mental dan fizikal dalam menentukan aras prestasi sebagai mahasiswa yang kompeten dan berdaya saing,” katanya.

Demikian menurut Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir yang hadir menyampaikan amanat dalam Majlis Amanat Naib Canselor UMP dan Lafaz Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar baharu (MINDS) yang berlangsung pada 29 Ogos 2017 yang lalu di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Beliau turut menasihati mahasiswa agar dapat memainkan peranan dan memberi tumpuan terhadap agenda Transformasi

Nasional (TN50) bagi menentukan acuan negara yang akan dibentuk untuk generasi akan datang.

Selain itu dengan selaras dengan tema ‘Memasyarakatkan Teknologi’, UMP turut mendorong penyertaan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelaan yang amat signifikan dalam konteks memupuk jiwa prihatin dalam diri mahasiswa bersama masyarakat luar.

Dalam majlis ini, seramai 2,145 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir membaca ikrar yang diketuai pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Twang Weng Fung di hadapan Naib Canselor UMP dan barisan ahli Senat Universiti untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan kegemilangan universiti ini.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Yusoff, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato’ Dr. Ishak Ismail dan Pendaftar, Abd. Hamid Majid.

Pada masa yang sama, Profesor Dato’ Dr. Daing turut menyampaikan sumbangan Intensif Pendidikan bernilai RM 1,000 kepada dua orang pelajar baharu menjadikan seramai 22 orang yang mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dan miskin menerima manfaat. Inisiatif ini merupakan salah satu program di bawah *MyGift* UMP dalam meringankan beban pelajar untuk mendaftar masuk universiti.

Pemilihan pelajar yang memerlukan bantuan ini adalah berdasarkan saringan di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang bertujuan bagi membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan memulakan pengajian di sini.

Dalam pada itu, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mad Yasir Ahmad Basir menyampaikan replika cek berjumlah 25 ribu kepada Naib Canselor UMP sebagai sumbangan merealisasikan Kempen Mahasiswa Membina Masjid UMP hasil sumbangan mahasiswa universiti.



## oBIKE tawar perkhidmatan kongsi basikal untuk manfaat warga kampus

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bekerjasama dengan syarikat perkongsian basikal terkemuka, oBIKE dalam menerajui inisiatif berbasikal di dalam kampus dengan mengadakan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan oBIKE Malaysia Sdn. Bhd. di pejabat operasinya di Mid Valley, Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2017 yang lalu.

Menerusi perjanjian ini, UMP akan membekalkan sebanyak 1,200 buah basikal untuk digunakan warga kampus di Pekan dan Gambang.

Kempen berbasikal di dalam kampus ini merupakan sebahagian daripada inisiatif strategik universiti ini bukan sahaja untuk memenuhi kriteria penilaian *UI GreenMetric*, tetapi lebih utama merupakan sumbangan UMP ke arah usaha mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara.

Sehingga kini, UMP telah melaksanakan lebih 30 projek dan inisiatif penghijauan kampus yang menyaksikan penanaman pelbagai spesies tumbuhan, pengurusan air, sisa buangan dan pendidikan.

Hadir menandatangani memorandum perjanjian adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang juga Ketua Inisiatif Pengangkutan *UI GreenMetric*, Profesor Dr. Rizalman Mamat. Manakala pihak oBIKE diwakili Pengurus Pembangunan Bisnes, Ian Goh Ee An dan Eksekutif Pembangunan Bisnes, Mohd Hanafi Hisyam.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, UMP harus terus melipatgandakan usaha-usaha berkaitan bagi memastikan program penghijauan kampus terus memberikan manfaat kepada warga kerja

dan mahasiswa universiti ini, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan mereka.

"Saya difahamkan basikal ini dilengkapi pelbagai kemudahan canggih dengan tempahan perkhidmatan boleh dilakukan menggunakan telefon pintar.

"Buat masa ini sebanyak 600 basikal akan ditempatkan di UMP Gambang dan 600 di UMP Pekan dengan memperkenalkan perkhidmatan perkongsian berbasikal tanpa penggunaan tunai di dalam kampus tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu Ian berkata, selepas membuat proses pendaftaran dan pembayaran, pengguna hanya perlu mengimbas QR Code yang tertera di basikal, dan kemudian, basikal tersebut akan dinyahkunci secara automatik melalui kunci yang sedia terpasang pada tayar basikal.

"Bagi menamatkan sesi berbasikal pula, pengguna hanya perlu meletakkan basikal tersebut di mana-mana tempat yang sesuai untuk meletakkan basikal. Lokasi terakhir basikal tersebut kemudiannya akan dimanfaatkan untuk pengguna lain yang mungkin berada pada sekitar lokasi tersebut," katanya.

Pihaknya akan membekalkan basikal ini secara berperingkat di lokasi yang akan ditetapkan pihak universiti.

UMP kini berada pada kedudukan ke-58 terbaik dunia berdasarkan usaha melestarikan kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking 2016* yang diterbitkan tahun lalu.



## UMP luas jaringan kerjasama bersama IS:Link

Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) pada 24 November bersama pihak IS:Link bagi meluaskan lagi jalinan kerjasama terutamanya dalam bidang akademik di peringkat antarabangsa.

Majlis menandatangani MoU ini diadakan bersempena dengan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian & Sistem Komputer 2017 (ICSECS'17) anjuran FSKKP yang berlangsung di Adya Hotel, Pulau Langkawi baru-baru ini.

Dalam majlis ini Dekan FSKKP, Profoser Dr. Kamal Zuhairi Zamli menandatangani MoU bersama Prof. Dr. Ulrich Frank yang mewakili pihak IS:Link disaksikan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa, Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus.

Menurut Profesor Dato' Ts. Dr Rosli, jaringan kerjasama ini akan memberi kelebihan terhadap mahasiswa dan staf UMP terutamanya dari FSKKP apabila berpeluang menyertai rangkaian ini yang turut disertai universiti lain dari seluruh dunia.

"Kerjasama ini akan memberikan nilai tambah buat mahasiswa UMP dari sudut akademik dan pembangunan diri serta memberikan pengalaman yang dapat dimanfaatkan bersama," katanya.

IS:Link merupakan satu jaringan akademik antarabangsa yang menghubungkan pelbagai universiti di bawah jaringan tersebut melalui program pertukaran pelajar dan kerjasama akademik. Sehingga kini terdapat lebih 30 buah universiti yang menyertai jaringan ini di seluruh dunia dan UMP merupakan satu-satunya universiti di Asia Tenggara yang menyertai jaringan tersebut ketika ini.





## UMP jalin kerjasama antarabangsa dengan Amik Tunas Bangsa dan Stikom Tunas Bangsa

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akademik Manajemen Informatika dan Komputer (AMIK) Tunas Bangsa menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam kerjasama akademik dan pertukaran pelajar yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Kerjasama turut melibatkan Sekolah Teknologi Tinggi Komputer (STIKOM) Tunas Bangsa, Indonesia pada 9 Ogos 2017 yang lalu di Vistana Kuantan City Centre.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama antara UMP menerusi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dengan AMIK Tunas bangsa telah mula terjalin sejak tahun 2012. Kerjasama ini akan diteruskan bagi memperoleh manfaat melalui penyelidikan, latihan staf serta pertukaran pensyarah, pelajar, bahan ilmiah dan kokurikulum.

"Pada masa yang sama juga, UMP turut menjalinkan kerjasama dengan institusi Stikom Tunas Bangsa, Indonesia bagi melebarkan jaringan dalam penyelidikan dan akademik di peringkat antarabangsa. Menerusi kerjasama ini dapat bergabung berkongsi kepakaran untuk memajukan institusi masing-masing," katanya.

Selain itu juga ianya merupakan satu usaha bagi melahirkan pelajar berdaya saing dan berupaya untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa akan datang.

Majlis ditandatangani oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus manakala AMIK Tunas Bangsa pula

diwakili Pengarahnya, Dr. Rahmat Widia Sembiring dan STIKOM Tunas Bangsa diwakili oleh Ketuanya, Dr. Dedy Hartama.

Hadir sama menyaksikan acara Ketua Pengasas Yayasan Muhammad Nasir, H Ahmad Ridwansyahputra.

Turut sama hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid.

Sementara itu, Muhammad Nasir, H Ahmad RidwansyahPutra berkata, sejak kerjasama ini dijalinkan banyak memberi kesan positif kepada institusi terutama bagi memenuhi kehendak serta keperluan institusi pengajian tinggi itu untuk menggalakkan pemindahan kepakaran dan idea dalam pelbagai bidang.

Katanya, berkat jalinan kerjasama ini banyak membantu AMIK Tunas bangsa dalam urusan akreditasi sehingga mereka berjaya mendapat gred baik.

"Justeru, kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada akademik dan pelajar malah kepada institusi itu sendiri," katanya.

AMIK Tunas Bangsa dan STIKOM Tunas Bangsa telah dibangunkan oleh Yayasan Muhammad Nasir yang memfokuskan bidang kejuruteraan dan program Komputer adalah salah satu program yang ditawarkan di institusi berkenaan.



## Projek MyGift 'Lighting Up the Community' bantu ringankan beban keluarga asnaf

Tiada apa yang lebih menggembirakan dan melegakan hati seorang warga emas, Mai Bakar, 89 tahun yang uzur dan penghidap penyakit asma apabila menerima kunjungan sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam menjalankan program khidmat sosial Projek MyGift bertemakan 'Lighting Up the Community' pada 21 Julai 2017 yang lalu di rumah yang didiami sejak 30 tahun lalu di Kampung Tekek Pulau Tioman, Rompin, Pahang.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, pihaknya memasang sistem lampu tumpu berkuasa suria bagi keluarga ini mendapatkan pencahayaan di rumah ini tanpa membebankan isi rumah malahan dapat menjimatkan bil elektrik lebih 60 peratus.

"Memandangkan UMP mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, universiti mengambil inisiatif dengan mengaplikasikan kemahiran dan kepakaran ke lapangan yang dapat dimanfaatkan komuniti setempat.

"Penglibatan UMP ini membolehkan universiti berperanan secara lebih konstruktif dalam merealisasikan Pelan Strategik UMP 2016-2020 dengan tema 'Memasyarakatkan Teknologi'," ujar beliau.

Katanya, menjadi hasrat UMP untuk merakyatkan kewujudan sebagai sebuah Universiti Awam (UA) yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada penawaran program-program akademik arus perdana, tetapi juga mampu berperanan sebagai sebuah institusi sosial yang menjadi pemangkin peningkatan literasi pengetahuan dan kemahiran untuk anggota masyarakat yang lain.

"Di samping itu, kami juga menghulurkan bantuan termasuk

sumbangan makanan dan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, susu dan pakaian sekolah hasil kerjasama pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) bagi meringankan beban keluarga ini," katanya.

Sementara itu, menurut Jurutera Elektrik Kanan, Unit Kecekapan Tenaga dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Mohd. Nurakla Mohd Azlan, pihaknya telah memasang panel solar berkapasiti 200 watt yang dijangka dapat menerangi rumah ini dengan adanya 10 lampu dan kipas yang dapat bertahan dalam tempoh 24 jam.

Bagi Sunoorakmanizan Sauad, 32, sejak kematian suami akibat penyakit jantung beberapa bulan lalu, beliau menjalani kehidupan serba sederhana bersama keluarganya di rumah yang cukup uzur di atas tapak tanah milik orang lain.

Untuk menampung segala kos dan keperluan harian, beliau bekerja di syarikat pembersihan untuk membesarkan tiga anaknya yang masih bersekolah, iaitu Izzatul Ilyani Abd Rahim (14 tahun), Aleeya Mysara Maslan (10 tahun) dan Muhammad Hazama Darwisy Maslan (6 tahun).

Beliau amat menghargai sumbangan ini dan mengharapkan anak-anaknya dapat belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarga.

Dalam pada itu, UMP telah menjalankan projek khidmat sosial 'Lighting Up the Community' ini dengan pemasangan solar melibatkan beberapa lokasi lain termasuklah Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS), Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Soi, Sekolah Kebangsaan Chini dan Sekolah Kebangsaan Runchang.





## Mobiliti Hijau Alam UMP bersama Masyarakat Jawa Barat

Oleh: ABD RAHMAN AHMAD

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) tahun akhir mengikuti program OISCA Sukabumi Mobiliti Hijau Alam *See Green, See Life* anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan kerjasama Organization for Industrial, Spiritual and Cultural Advancement (OISCA) International, Jepun dan OISCA Training Centre (TC) Sukabumi dan SDN 5 Karang Tengah, Jawa Barat, Indonesia.

OISCA adalah sebuah organisasi yang berkaitan dengan pertanian organik termasuklah pembuatan baja kompos, penyemaian, penanaman dan menjalankan kajian dengan menggunakan teknologi Jepun yang terdapat di Jawa Barat.

Penyertaan aktiviti kesukarelawanan ini melibatkan mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FIST), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dan Fakulti Pengurusan Industri (FIM). Turut serta penasihat program, Abd. Rahman Ahmad dari JHEPA.

Menurut pengarah program, Alya Hananin Hashim berkata, program ini memfokuskan perkongsian teknologi pertanian hijau dari Jepun yang digunakan untuk membangunkan ekonomi masyarakat setempat. Antara aktiviti yang dilakukan sepanjang berada di OISCA TC Sukabumi adalah pertanian organik dan pembangunan

masyarakat dan *Children's Forest Programme* (CFP).

"Kami teruja dengan program yang dijalankan bersama komuniti wanita di sini yang mana pusat ini melatih suri rumah dalam penanaman sayur organik. Ini termasuklah membuat baja dari hasil buangan ternakan dan sisa makanan yang dikumpulkan daripada penduduk sebelum diproses dan dijadikan baja kompos," katanya.

Tambah Alya Hananin, mereka juga membantu meningkatkan ekonomi masyarakat dengan mengumpul hasil jualan sayur-sayuran untuk dipasarkan kepada komuniti di sini. Selain menimba pengalaman membuat baja kompos dan menyemai pokok, pengalaman ini sangat bertepatan dengan hasrat peserta mobiliti dalam menyokong usaha penghijauan kampus yang sedang dilaksanakan dalam universiti.

Dalam masa yang sama peserta mobiliti berpeluang mengadakan program dan aktiviti kesukarelawanan bersama 60 orang pelajar sekolah SDN 5 Karang Tengah, Barat Jawa dengan memfokuskan teknik penjagaan kebersihan diri dan perapihan produk gel pencuci anti bakteria (*all-in-one*), La'Rena iaitu produk hasil penyelidikan pensyarah FIST, Dr. Nina Suharty Azmi yang disumbangkan untuk kegunaan pelajar di sini.



## BPA sumbang buku bangunkan perpustakaan mini untuk anak yatim

Oleh: NURULL SYAMIMI BINTI AHMAD ABZAN

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) membangunkan perpustakaan mini di Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang yang terletak di Taman Guru, Kuantan, Pahang sebagai projek khidmat komuniti dengan menyumbang bahan bacaan kepada anak-anak yatim penghuni rumal amal berkenaan bagi memupuk semangat minat membaca pada 10 Ogos 2017.

Menurut Tmbalan Pendaftar BPA, Arman A. Rahim, walaupun berhadapan dengan kekangan masa, pihaknya berjaya mengumpul sumbangan dalam bentuk bahan bacaan, rak buku dan juga wang ringgit daripada warga UMP dan juga orang awam dalam merealisasikan hasrat murni ini.

“Projek kesukaelawanan ini bukan sahaja dapat menyuntik nilai kemanusiaan dalam diri warga kerja BPA tetapi juga untuk melahirkan warga kerja yang berupaya memimpin, merancang, melaksana program serta bekerjasama dan mengambil peranan secara aktif dalam kumpulan terutamanya dalam kalangan staf sokongan bahagian ini,” katanya.

Manakala bagi Setiausaha Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang, Ahmad Roduan Siwi mengucapkan rasa syukur dan berterima kasih kepada pihak UMP kerana menganjurkan program sebegini untuk berkongsi keceriaan dan kegembiraan bersama anak-anak yatim.

Selain itu, beliau turut menyatakan hasrat agar pihak UMP dapat menyediakan perkhidmatan kelas tuisyen kepada anak-anak penghuni rumah amal berkenaan agar mereka mendapat bimbingan intensif bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari di sekolah dan

seterusnya dapat membantu mengukuhkan pemahaman mereka sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

Sementara itu, bagi ketua program, Mohd Azmi Abd Razak yang merupakan Pembantu Tadbir Perkeranian/Operasi di BPA, pengalaman mengendalikan projek ini banyak memberi pendedahan kepada beliau dan rakan-rakan yang lain dalam mengasah bakat dan kemahiran memimpin, merancang, berkomunikasi dan membuat keputusan selain menerapkan semangat kerja berkumpulan. Bahagian ini turut merancang untuk menjayakan program *Back To School* yang akan dilaksanakan pada penghujung 2017.





## Projek *Facelift* UMP ceriakan kampung Kuala Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Gotong-royong Perdana@Facelift D'Kuala bagi membaiki pulih rumah-rumah penduduk yang berada di laluan masuk utama ke Kompleks Medan Ikan Bakar yang terletak pada 9 September 2017 di Perkampungan Kuala Pahang.

Program dihadiri Ahli Dewan Undangan Peramu Jaya, Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Sh Ali dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir bersama pengurusan tertinggi UMP serta Penghulu mukim Kuala Pahang, Hassan Mohamed Sukor. Menurut Naib Canselor UMP, program *Facelift* Kuala Pahang ini dirancang dengan bantuan pelbagai agensi dan badan korporat bertepatan dengan strategi lautan biru sekaligus dapat membantu mengubah landskap sosial penduduk di Kuala Pahang.

"Lebih kurang 25 hingga 30 rumah di sini yang telah dikenal pasti akan terlibat dalam program ini yang melibatkan aktiviti membaiki pulih, mengecat, membersihkan kawasan dan mengindahkan kediaman. Usaha yang digerakkan oleh UMP untuk mengubah wajah dan identiti Kuala Pahang sebagai Perkampungan Nelayan selain memaknakan kewujudan UMP sebagai salah satu Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia," katanya. Ujar beliau, UMP dengan kerjasama penghulu dan Ketua Kampung Kuala Pahang telah mengenal pasti rumah-rumah yang uzur dan seterusnya membuat penilaian kos baik pulih yang diperlukan untuk rumah-rumah yang telah dikenal pasti.

Dalam menyemarakkan program turut diadakan program



Senamrobik, pemeriksaan kesihatan, agihan ubat jentik-jentik dan lain-lain. Program melibatkan kerjasama sukarelawan pihak Kolej Universiti Widad, pelatih Program Latihan Khidmat Negara, Pusat Transformasi Luar bandar (RTC), Komuniti Kuala Pahang, Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PPTI). Agensi lain yang terlibat adalah Alam Flora Sdn. Bhd, Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Majlis Daerah Pekan.

Medan Ikan Bakar (MIB) mengandungi 12 lot kedai iaitu empat unit restoran ikan bakar, empat unit gerai jualan pelbagai dan empat unit kilang pemprosesan hasil laut. Ia telah mula dibuka secara rasmi pada 1 Ogos yang lalu. Restoran Ikan Bakar mula beroperasi dari jam tiga petang hingga tengah malam dibuka pada setiap hari. Manakala kompleks kilangan memproses keropok, produk ikan masin dan produk sambal acar ikan masin serta sambal hitam Pahang bermula dari jam sembilan pagi hingga enam petang.

Pembangunan MIB di bawah program Empower ECER Mahkota iaitu satu program pembangunan usahawan majlis pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan projek pembangunan yang diselia oleh pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam manakala pembangunan usahawan oleh Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas, UMP Advanced.



## Mahasiswa UMP berkelana curah bakti dengan komuniti Phnom Penh

Satu delegasi khidmat komuniti peringkat antarabangsa yang terdiri daripada mahasiswa Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman 3 dan Kolej Kediaman 4 Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mencurah bakti dan menjalankan aktiviti sukarelawan bersama masyarakat di Kampung Tralach yang terletak dalam Wilayah Kampong Chnang, Perkampungan Muallaf di Perairan Tonle-Sap, Phnom Penh, Kemboja sebagai tanda prihatin terhadap kedaihan kehidupan masyarakat Islam yang serba kekurangan pada 17 Oktober 2017.

Program Operasi Khidmat Komuniti Malaysia-Cambodia (OPKIM 2) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) ini merupakan kesinambungan misi kemanusiaan UMP dalam merealisasikan agenda pengantarabangsaan selain meningkatkan jati diri dan melatih kemahiran kepimpinan mahasiswa.

Sepanjang berada di sini pelbagai program dijalankan antaranya memberi sumbangan berbentuk keperluan harian seperti alatan keperluan dan kebersihan diri (*Hygiene Kit*) makanan, minuman, pakaian, alatan persekolahan, kelengkapan ibadah, dan sebagainya kepada penduduk perkampungan Islam di Kemboja.

Menurut Penasihat Program OPKIM 2 dan merupakan Pengetua Kolej Kediaman 3, Rosjuliana Hidayu berkata, program ini dapat menunjukkan sikap cakna terhadap kepentingan khidmat komuniti dan sifat sukarelawan dan membangunkan dan memperkasa kemahiran, pengetahuan, nilai serta kebolehan berinteraksi dalam diri peserta.

"Program ini berusaha membantu meringankan beban kehidupan dan meningkatkan kualiti pendidikan masyarakat di kampung berkenaan. Apa yang penting, para peserta dapat bermuhasabah dan bersyukur dengan nikmat dan kemudahan yang lengkap di negara sendiri," katanya.

Tambahnya, selain sumbangan kewangan, mereka turut mewakafkan telaga pam moden untuk kegunaan harian penduduk kampung yang menghadapi kesukaran mendapat bekalan air bersih lantaran ketiadaan bekalan paip air terutama di kawasan kampung.

Bagi penduduk yang menetap di penempatan yang jauh dari sungai, mereka akan menggali perigi dan kolam untuk mendapat keperluan air di musim hujan dan kemarau.

Dalam pada itu, program pendidikan diterapkan melalui modul pendidikan, bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Arab. Modul khas Modul bahasa Inggeris *English For Children* telah ditulis sendiri oleh Guru Bahasa dari PBMSK, Nursyaheedah Muhammad Isa dan Hj H Noor Azlinda Zainal Abidin. Manakala 'Modul Pengenalan Asas Bahasa Melayu' telah ditulis oleh Jamilah Bebe Mohamad dan Modul Bahasa Arab '*Arabic For You*' oleh Rosjuliana Hidayu Rosli dan Buku '*Arabic For Beginners*' juga diperkenalkan di sana.

Sesi terapi minda juga dijalankan oleh Kaunselor Kanan Kaunselor Kanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Faten Hameema Rosli yang berkesempatan untuk mengkaji tahap emosi dan minda golongan kanak-kanak dan juga dewasa. Beliau juga turut berkongsi berkaitan teknik pernafasan yang betul dan memberi perkongsian ilmiah kepada para muallaf di perkampungan perairan Tonle-Sap.

Sementara itu, pengarah program, Syaza Naziha Amir berkata, banyak pengalaman dan refleksi diri yang diperoleh dari program khidmat komuniti seumpama ini. Program ini membantu mahasiswa UMP menyelusur budaya, ekonomi dan sejarah tamadun Melayu-Islam di samping memaparkan realiti sebenar kehidupan masyarakat yang minoritinya beragama Islam di Kemboja.

Mereka juga dapat menyaksikan sendiri nasib penduduk yang susah, daif dan sangat memerlukan sumbangan daripada pihak luar. Beliau berharap program sebegini perlu diteruskan pada masa akan datang bagi melahirkan citra dan jati diri mahasiswa yang secara langsung memupuk sifat peka kepada kebajikan komuniti bukan sahaja dalam negara malahan di luar negara.

Dengan pelaksanaan program khidmat komuniti ini, warga UMP dapat menyumbang bakti kepada masyarakat luar dan menjalin ikatan silaturahim yang utuh antara mahasiswa dengan komuniti antarabangsa ke arah melahirkan warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.



# UMP Memasyarakatkan Teknologi di Tammalang Hilir Satun

Merealisasikan hasrat memasyarakatkan teknologi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) membawa kepakaran ke lapangan dengan memasang tiga lampu solar menerangi tiga jeti di Kampung Tammalang Hilir Satun Thailand sempena Program Misi Kemanusiaan *We Love We Care*. Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) ini memberi peluang kepada peserta untuk tinggal bersama keluarga angkat, mengenali lebih dekat corak kehidupan, adat resam dan budaya masyarakat di Tammalang. Hadir merasmikan majlis, Kolonel Pansawat Malarat, Internal Security Operation Wilayah Satun yang hadir mewakili Gabenor Satun, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid, Penghulu Kampung Tammalang Nasir Dinman dan Ketua Pegawai Eksekutif, SAO Tammalang, Chainan Longsoma.

Menerusi program ini pelajar bersama masyarakat kampung menjayakan aktiviti khidmat masyarakat termasuk bergotong-royong memasak, menjalankan aktiviti mewarna kanak-kanak. Bagi Pendaftar UMP, Abd Hamid berkata, kunjungan buat kali keempat ini amat dinanti penduduk di Tammalang untuk beramah mesra dan bertemu sendiri dengan sukarelawan.

"Selain bertemu masyarakat desa, program memasyarakatkan teknologi diadakan dengan memasang solar panel dan UMP dan penduduk kampung ini juga dapat mewujudkan semangat setiakawan yang telah lama wujud di antara dua negara iaitu Malaysia dan Thailand," katanya yang hadir merasmikan program.

Bukan itu sahaja turut dijalankan menggunakan hasil produk PISOPTERA® berteknologi hijau pertama di Malaysia yang mesra alam dalam menangani masalah berkaitan dengan serangan

anai-anai. Produk UMP Ecopest Sdn. Bhd. merupakan syarikat terbitan UMP dalam mengkomersilkan produk kawalan anai-anai dan produk kawalan serangga (PestKilla). Ia mendapat fasilitasi pengkomersilan melalui dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) di bawah Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC). Manakala pembinaan inkubator boleh digunakan untuk penetasan telur secara efektif dan berkesan, meningkatkan kadar penetasan telur dan boleh juga digunakan sebagai penerangan ikan masin. Katanya, dengan kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi dimiliki UMP yang sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat.

Pada kali ini juga Persatuan Wanita UMP turut menyampaikan sumbangan tunai dan keperluan telekung untuk diwakafkan di Masjid. Beliau mengharapkan program ini nanti menjadi kebanggaan pelajar dan sebagai kenangan yang tidak akan dilupakan selepas menamatkan pengajian nanti. Tambahan pula para sukarelawan kali ini juga membabitkan mahasiswa yang dipilih dalam kalangan pemenang biasiswa *MyGift* UMP.

Bagi peserta, Yeoh Yuan Xin mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli berkata, pengalaman ini amat bermakna apabila berpeluang tinggal bersama keluarga angkat yang begitu mesra dan belajar berbahasa Siam. Begitu juga dengan Intan Nur Liyana Azhar mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi Industri dan rakannya, Nurhasniza Mamajan Khan yang tinggal bersama keluarga angkat berpeluang menyertai aktiviti di perkampungan nelayan serta belajar membuat kuih-muih masyarakat di sini.



## Staf Makmal Berpusat berbakti bersama anak yatim

Oleh: HALIMAH SALLEH

Seramai 16 orang staf dan dua orang pelajar latihan industri Makmal Berpusat Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan anak-anak yatim dalam Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang diadakan di Rumah Kebajikan Anak Yatim & Fakir Miskin Perempuan Permata Al-Insyirah, Sungai Isap Kuantan pada 16 Ogos 2017 yang lalu.

Program ini merupakan program CSR yang kedua selepas penglibatan pertama Makmal Berpusat UMP bersama masyarakat luar di Sekolah Menengah Islam Al-Irsyad, Kuantan tahun lalu.

Menurut Pengarah Makmal Berpusat, Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam, program ini bertujuan mendekati golongan yang kurang bernasib baik dan merealisasikan hasrat pengurusan UMP dalam kerja kesukarelawanan dan memasyarakatkan universiti selain memperkenalkan Makmal Berpusat ini kepada pihak umum.

"Program CSR ini memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti pembersihan, naik taraf sudut belajar dan sumbangan peralatan. Program sebegini juga dapat melahirkan staf yang berketerampilan dan berkarisma serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat setempat.

"Aktiviti pembersihan bertumpu di kawasan stor peralatan dan makanan. Kerja-kerja terlibat adalah seperti membersihkan kawasan

stor, ruang makan, membasuh, mengering dan menyusun pinggan mangkuk dan peralatan memasak.

Selain itu, penyimpanan stok makanan seperti beras, milo, gula dan pelbagai jenis stok makanan turut disusun dengan kemas serta turut membuat pemeriksaan terhadap tarikh luput penggunaannya," katanya.

Malah jelas beliau lagi, mereka turut membantu menaik taraf ruang belajar, pembersihan ruang, pembaikan kecil, susun atur kedudukan kerusi dan meja serta pemasangan langsir bagi menjadikan ruang belajar lebih menarik, selesa dan kondusif.

Dalam pada itu, Makmal Berpusat juga menyumbang peralatan seperti kotak penyimpanan peralatan dan langsir baharu untuk keperluan dan keselesaan penghuni.

Pengurus Rumah Kebajikan Anak Yatim & Fakir Miskin Perempuan, Permata Al-Insyirah, Salawati Hassan menghargai penganjuran program CSR dan sumbangan yang akan dimanfaatkan penghuni di rumah ini.

Lebih bermakna anak-anak turut berpeluang menikmati sajian Kentucky Fried Chicken (KFC) sebagai jamuan makan tengah hari dan piza sumbangan ikhlas daripada pihak Domino's Pizza Taman Tas, Kuantan.



## UMP terima kunjungan UTEM bagi tanda aras penghijauan kampus

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima kunjungan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang merupakan salah satu universiti dalam Jaringan Universiti-universiti Teknikal (MTUN) bagi berkongsi pengalaman universiti dalam penghijauan kampus pada 28 Ogos 2017 yang lalu.

UMP meraih kedudukan ke-58 terbaik dunia berdasarkan usaha melestarikan kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking 2016* yang diterbitkan tahun lalu.

Lawatan dari Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) itu adalah antara inisiatif jabatan tersebut untuk mendapatkan tanda aras bagi memperbaharui atau mempertingkatkan mutu pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada warga UTeM khususnya.

Mengetuai delegasi, Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti), Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin yang

turut dihadiri Ketua Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar, Profesor Madya Juhari Ab. Razak. Manakala UMP dihadiri Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Haryani Abdullah.

Menurut Profesor Madya Juhari, UMP boleh dijadikan contoh kerana UMP antara universiti awam yang masih baharu namun telah melakar pelbagai kejayaan yang wajar dijadikan panduan.

“Kami juga saling bertukar idea baharu dan pendapat dari segi pengurusan yang membantu meningkatkan imej dan mutu jabatan kami sekaligus dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga UTEM,” katanya.

Perbincangan turut melibatkan pelbagai jabatan lain dari UMP termasuklah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH), Bahagian Keselamatan (BKES), Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK), Unit Kecekapan Tenaga Jabatan Penyelidikan dan Inovasi serta Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHM0).



## Fahmi timba pengalaman di China

Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Fahmi Muhammad Rasyid Rabuan, 21, pelajar tahun dua dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang memenangi tempat kedua dalam pertandingan *China Bridge* peringkat Kebangsaan berpeluang menyaksikan Pertandingan *The 16th World Chinese Bridge Chinese Proficiency Competition for Foreign College Students* yang diadakan pada 3 Ogos 2017 di Changsha, China baru-baru ini.

Dengan kemenangan yang diraih Fahmi menerima tajaan bersama pemenang tempat pertama iaitu Muhamad Shahmeer Mohd Nashrul dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke China. Pertandingan ini dikhususkan untuk peserta asing bukan penutur bahasa Cina membabitkan penyertaan dari pelbagai negara.

Menurut Fahmi, beliau mempersembahkan ucapan awam dan permainan Yoyo Cina sewaktu beraksi di peringkat kebangsaan dan menewaskan 26 peserta lain yang mewakili institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

“Saya belajar bahasa Cina sejak dari tahun satu hingga tahun enam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cini (SJKC) Kwong Hon, Kuala Lumpur. Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar mempamerkan kemahiran, pengetahuan dan bakat mereka sambil menggalakkan mereka menambah kemahiran berbahasa Cina selain mempelajari budaya masyarakat Cina,” katanya.

Tambah beliau, pelajar diuji atas kemahiran berbahasa, membaca dan memahami sejarah dan budaya. Pesaing juga perlu melakukan bakat yang berkaitan dengan bahasa atau budaya Cina seperti muzik, tarian, persembahan teater sebagai persembahan mereka.

Dengan pengalaman yang ditimba beliau mengharapkan dapat beraksi dalam Pertandingan *World Chinese Bridge Proficiency Competition* pada tahun hadapan. Beliau juga berazam ingin mengharumkan nama universiti dan negara ke peringkat dunia seperti sahabatnya, Muhamad Shahmeer Mohd Nashrul yang telah meraih johan dalam pertandingan itu.







## Pelajar UMP terpilih dalam ASEAN Youth Summer Camp di China

Oleh: YONG YING MEI

Tiga mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya dipilih mengikuti ASEAN Summer Camp Program di Guizhou Minzu University, China selama dua minggu bermula 27 Julai hingga 9 Ogos baru-baru ini.

Program Mobiliti bahasa Mandarin tajaan biasiswa Institut Konfucius atas anjuran Ibu Pejabat Institut Konfucius (HANBAN) ini mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan China, Kementerian Luar Negeri China dan Kerajaan Guizhou Provinsi. Tajaan biasiswa merangkumi semua kos sepanjang pengajian di Guizhou seperti yuran pengajian, yuran kediaman, yuran makan-minum, tiket lawatan, kos perubatan.

Menurut Pengarah Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan Cina UMP, Yong Ying Mei, berkata pelajar UMP telah menunjukkan semangat dan dedikasi dalam mempelajari bahasa Mandarin yang tidak berkredit sejak tahun pertama sehingga tahun keempat di UMP. Mereka juga membuat persediaan yang banyak sebelum sesi temu duga biasiswa diadakan.

“Sebanyak 300 peserta dari negara ASEAN dipilih seperti Thailand, Indonesia, Brunei, Myanmar, Vietnam, Laos, Filipina, Kemboja dan Malaysia. Pelajar UMP terpilih kerana cemerlang dalam Ujian Kefasihan bahasa Mandarin ‘Hanyu Shuiping Kaoshi’ (HSK) tahap 3 dan lulus dalam temu duga yang melalui telefon sebelum memulakan pengajian di Guizhou Minzu University ketika cuti semester pengajian,” katanya.

Bagi pelajar UMP, Khairunnisa Che Hassan, 24, dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian UMP menyifatkan program mobiliti itu satu pengalaman yang menarik kerana dapat mengenali mahasiswa yang dari Negara ASEAN. Beliau tidak menyangka hasil pembelajaran sebelum ini membolehkannya bertutur bahasa Mandarin dan menjadikannya lebih berani serta yakin bertutur dalam bahasa Mandarin dengan lancar.

Manakala bagi Farah Aqilah Mustafa, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam berpeluang mempelajari budaya dan bahasa Mandarin dengan lebih mendalam sepanjang berada di China. Walaupun hanya mula belajar bahasa Mandarin dari tahun pertama hingga tahun keempat di universiti namun dapat memahami penggunaan bahasa Cina. Beliau berhasrat untuk belajar lebih bersungguh-sungguh untuk

mempelajari tulisan Cina memandangkan banyak lagi tulisan Cina di jalan mahupun di kedai yang masih belum difahami.

Sementara itu, Tharushini A/P Thiagarajan, 24, dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam turut berkongsi pengalaman paling menyeronokkan semasa gabungan kelas dengan peserta dari negara ASEAN yang berbeza pada setiap hari. Beliau berkenalan dengan pelajar dari negara ASEAN yang masing-masing bertutur dalam bahasa Mandarin. Pengalaman belajar di China merupakan hadiah sebelum menamatkan pengajian dan bakal bergraduasi pada konvokesyen akan datang yang pastinya menjadi kenangan yang tidak dilupakan.

Peserta juga berpeluang mempelajari bahasa Mandarin, seni budaya Cina, menyertai aktiviti sukan, melawat beberapa destinasi yang di Guizhou seperti Huangguoshu Waterfall, Guizhou Provincial Museum dan Minoriti Culture Museum of Guizhou.





## Program Mobiliti Asean Suntik Minat Sains dan Teknologi

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) menjayakan Program Mobiliti Asean Pelajar Tahun Akhir 2017 di Bandung, Indonesia baru-baru ini. Bertemakan *We Rise By Lifting Others*, program bertujuan memupuk minat bidang Sains dan Teknologi dalam kalangan anak-anak yatim piatu di Pantu Asuhan Al Amin, Bandung.

Pengarah program, Muhammad Faris Redhwan Ishak dari FKM berkata, pihaknya berpeluang mengadakan demonstrasi eksperimen yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Antaranya adalah *Hydraulic Powered Robotic Arm* dengan menggunakan bahan-bahan daripada kotak, tiub paip, pewarna, air dan *syringe*.

“Dalam program ini para pelajar di sini didedahkan dengan cara bagaimana untuk mengawal kren simulator yang dihasilkan daripada kotak yang dapat digerakkan menggunakan sistem hidraulik. Ternyata mereka sangat teruja dan seronok belajar sambil bermain,” katanya.

Selain itu, mereka juga mengadakan eksperimen yang dinamakan *Arduino Piano* yang mana melalui eksperimen ini, kanak-kanak didedahkan tentang penggunaan programming dalam menghasilkan satu sistem ringkas yang diaplikasikan dengan menggunakan bahan daripada alam semula jadi seperti buah-buahan.

Katanya, dengan menggunakan buah pisang, oren, epal dan tomato ianya dapat menghasilkan bunyi apabila terdapat ion dalam buah-buahan ini yang berhubung. Mereka juga mengaplikasikan bahan-bahan lain termasuklah penggunaan pensel yang juga boleh menghasilkan bunyi.

Sementara itu, Nurul Asyikin Mohamad Bakri dari FKEE berkata, melihat kesungguhan anak-anak di sini mereka juga turut memberi

tunjuk ajar kepada tenaga pengajar di sini dalam mengaplikasikan pembelajaran Sains dan Teknologi untuk dijadikan sebagai salah satu aktiviti dan permainan di panti ini.

Dalam pada itu, mahasiswa UMP juga berpeluang mengadakan pertemuan dengan mahasiswa di Institut Teknologi Bandung (ITB) termasuklah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Aerospace, Fakulti Teknik Elektro dan Informatika dan Fakulti Seri Rupa dan Desain untuk bertukar idea dan berkongsi pengalaman pengajian masing-masing.





## Program Mobiliti mahasiswa UMP di ITS Surabaya

Lima mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih bagi mengikuti program pertukaran pelajar ke Jurusan Teknik Kimia, Fakultas Teknologi Industri, Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) di Surabaya.

Mereka adalah Muhammad Syakir Muhammad Salleh, Norfarahin Hamzah, Nur Syazaarina Ahmad, Khairunnisa Kamarul Arifin dan Fatin Fatimah Emran merupakan mahasiswa semester pertama bermula dari 26 Ogos 2017 hingga 7 Januari 2018. ITS ditubuhkan pada 1954 dan merupakan salah sebuah universiti terbaik di Indonesia dalam bidang sains dan teknologi.

Menurut penyelaras program, Profesor Madya Dr. Fatmawati Adam berkata, penganjuran program mobiliti ini adalah untuk mengukuhkan jalinan kerjasama akademik antara UMP dan ITS di samping memberi peluang kepada mahasiswa FKSA untuk merasai sendiri suasana pembelajaran dan kehidupan kampus di ITS. "Pihak fakulti membuka peluang kepada mahasiswa untuk menyertai program mobiliti pada semester depan melibatkan negara India, Indonesia dan Turki," katanya.

Sementara itu, bagi peserta program, Muhammad Syakir berkata, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh Pejabat Antarabangsa ITS dan salah satu daripadanya adalah aktiviti kesukarelawanan yang mana setiap daripada kami perlu mengajar Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

"Aktiviti yang paling menyenangkan ialah ketika kami

tinggal bersama keluarga angkat di Kampong Rowo Trate, sebuah perkampungan budaya di Timur Jawa Indonesia," kongsi Syakir dalam nada gembira. Dalam pada itu, kepada mahasiswa yang beminat untuk menyertai program mobiliti, boleh berhubung dengan Profesor Madya Dr. Fatmawati (fatmawati@ump.edu.my) atau Dr. Nur Hidayah Mat Yasin (hidayahyassin@ump.edu.my).





## UMP raih 4 pingat dan bakal tuan rumah SUKUM 2018

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal tuan rumah penganjuran Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Kali Ke-42, (SUKUM) pada tahun hadapan.

Majlis menyaksikan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid menerima bendera kejohanan SUKUM edisi 2018 daripada Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran. Bendera UMP kelihatan berkibar di pentas Panggung Percubaan UPSI yang menandakan SUKUM 2017 melabuhkan tirai pada penganjuran tahun ini.

Menurut Abd. Hamid, UMP telah pun membuat persiapan dengan gerak kerja awal bagi menghadapi temasya tahunan itu tahun depan. Bukan sahaja kesediaan selaku tuan rumah penganjuran malahan persiapan pasukan dan atlet yang bakal membawa cabaran turut dititik beratkan menjelang temasya 2018 nanti.

"Kita juga berbangga atas kejayaan atlet dan kontinjen yang menjadi inspirasi dan pembakar semangat kepada pasukan-pasukan lain untuk mempersiapkan pasukan terutamanya dalam aspek pemilihan atlet dan latihan yang lebih tersusun dalam usaha menghasilkan pasukan yang lebih mantap dan menang lebih banyak pingat menjelang Kejohanan SUKUM Kali Ke-43 nanti," katanya di Tanjng Malim pada 5 Ogos 2017 yang lalu.

Kejohanan kali ini menyaksikan UMP meraih kejayaan dengan pencapaian tempat ke-15 terbaik keseluruhan apabila menang empat pingat iaitu dua pingat emas dan dua pingat gangsa.

Lebih menarik apabila Pasukan Sepak Takraw UMP berjaya mempertahankan pingat emas yang dimenangi pada edisi lalu dengan menewaskan pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dibarisi oleh bekas atlet kebangsaan dan negeri dengan kiraan mata 2-0.

Selain itu, pingat emas turut disumbangkan atlet pasangan Pingpong Beregu Campuran yang juga menewaskan pasukan UKM di perlawanan akhir dengan kiraan 3-1.

Manakala dua pingat gangsa disumbangkan melalui acara Pingpong Perseorangan Wanita apabila tewas pada Separuh Akhir kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga juara bertahan dengan kiraan 0-3.

Pasukan Futsal UMP pula berjaya menghadiahkan pingat gangsa selepas lebih empat tahun tidak menyertai Kejohanan SUKUM apabila tewas kepada juara bertahan iaitu pasukan Universiti Utara Malaysia (UUM) di separuh akhir dengan jaringan 1-3.

Hadir sama meraikan kejayaan atlet universiti, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman Haji Safie dan Ketua Bahagian Pembangunan Sukan Staf UMP Al-Muhaimin Ali.



## UMP rangkul pingat dalam Kejohanan Sukanun

Oleh: JAMRAH MAHAT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila merangkul pingat dalam penyertaan sulung di Kejohanan Sukan Badan Berkanun 2017 (SUKANUN 2017) yang berlangsung di Ayer Keroh, Melaka baru-baru ini.

Pasukan Sepak Takraw UMP berjaya memenangi pingat perak dalam acara Sepak Takraw Antara Regu selepas tewas kepada pasukan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang dibarisi oleh sebilangan atlet Kebangsaan dengan kiraan 2-1 setelah mempamerkan tentangan sengit sehingga perlawanan berlanjutan sehingga dua jam masa permainan.

Menurut Pengurus Pasukan Sepak Takraw yang juga Pegawai Belia & Sukan Kanan UMP, Al-Muhaimin Ali, dengan penyertaan seramai 61 Agensi Badan Berkanun di Kejohanan ini, pasukan UMP mampu mempamerkan aksi yang cemerlang dengan muncul johan kumpulan selepas menewaskan Lembaga Pembangunan Keluarga Terengganu (LPKT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kiraan 2-0 pada peringkat kumpulan.

Pasukan Sepak Takraw UMP meneruskan lagi kecemerlangan dengan menewaskan pasukan Universiti Malaya (UM) 2-0 di peringkat Pusingan Kedua, kemudiannya menewaskan pasukan RISDA 2-0 di peringkat Suku Akhir dan menewaskan pasukan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) di Peringkat Separuh Akhir untuk bertemu pasukan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada peringkat Akhir.

Sementara itu, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Hj Safie berkata, kejayaan pasukan UMP ini merupakan kesinambungan kecemerlangan pasukan berkenaan daripada tahun lalu yang muncul johan dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2016.

“Kesungguhan pasukan diteruskan dengan latihan tersusun pasukan berkenaan sepanjang tahun ini untuk beraksi mempertahankan pingat emas berkenaan pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti

Malaysia 2017 yang sedang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak mulai 29 Julai hingga 5 Ogos 2017 ini,” katanya.

Beliau mengharapkan kejayaan pasukan sepak takraw UMP ini dapat diteruskan pada edisi akan datang untuk menyuntik semangat kepada semua atlet dan pasukan-pasukan lain untuk terus mencapai kejayaan dalam setiap kejohanan bagi meletakkan nama UMP sebaris dengan pasukan-pasukan hebat yang lain.





## Alumni UMP kumpul dana hulu sumbangan buat asnaf dan fakir miskin

Oleh: SITI SAFIAH MOHAMED RAMLI

Sebanyak RM 11,200 berjaya dikumpul pihak Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) hasil sumbangan infak, sedekah dan derma daripada staf universiti, syarikat dan orang perseorangan dalam menjayakan program Ziarah Prihatin Aidiladha 2017 pada 26 Ogos 2017.


Program dianjurkan persatuan dengan kerjasama Unit Perhubungan Alumni, JHEPA dalam menyampaikan sumbangan hari raya kepada seramai 75 keluarga penerima terdiri daripada asnaf zakat, fakir miskin, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), sakit kronik dan warga emas sekitar Kuantan.

Bagi pengarah program, Mohd Najib Razali berkata, program ziarah ini telah pun bermula sejak tahun lalu dan sehingga kini lebih 300 keluarga menerima manfaat. Bagi membantu anak-anak penerima pihak persatuan juga mengadakan program *Back to School* dan seramai 200 menerima sumbangan kelengkapan sekolah.

“Seramai 50 sukarelawan telah mendaftar dengan persatuan dan membantu agihan sumbangan sekitar Kg. Tiram, Kg. Teruntum, Kg. Kurnia, Kg. Padang, Taman Impian, Permatang Badak, Chendering dan Sg. Isap,” katanya.

Para sukarelawan juga mengagihkan barang keperluan seperti beras, minyak masak dan makanan serta wang tunai untuk menampung persediaan menyambut hari raya seperti masyarakat yang lain. Mereka juga berpeluang menziarahi dan mengeratkan hubungan baik bersama komuniti setempat.





## Muhsin, alumni UMP Jurutera Tani

Minat dalam bidang pertanian sejak kecil membolehkan lepasan graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhsin Khalid, 22 tahun yang berkelulusan Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) menceburkan diri dalam bidang pertanian dengan mengusahakan ladang sayur-sayuran di Kampung Rusa Pekan Pahang.

Walaupun tidak mempunyai latar belakang yang formal dalam bidang pertanian tetapi tindakan Muhsin yang minat membantu melakukan aktiviti menanam sayur semasa membantu arwah datuk dan nenek menanam cili di kebun ditambah dengan peluang menjalani latihan industri dan membuat penyelidikan untuk projek fertigasi menyebabkan beliau terus 'jatuh cinta' dan mengorak langkah berbakti dengan tanah.

Menurut Muhsin, setelah menamatkan pengajian sekitar tahun 2016 beliau bekerja di sebuah ladang seluas 3/4 ekar di tanah milik keluarga angkatnya di Kampung Rusa Pekan.

"Dengan ilmu dan pengalaman yang ditimba ini penanaman secara serius dijalankan mulai bulan April 2017 dengan menanam 1500 pokok terung bulat dan 1,000 pokok terung mini secara fertigasi.

"Untuk fasa kedua tanaman seperti kacang panjang, kacang buncis, sawi, salad, daun sup dan daun bawang akan mula ditanam tidak lama lagi setelah mengambil kira permintaan dan harga pasaran," katanya.

Beliau yang bercita-cita untuk menjadi pengusaha ladang sayur berhasrat membuka sendiri tapak pertanian dengan menyewa tanah bagi meneruskan usaha membangunkan ladang sayurinya.

Bagi Muhsin, bidang kejuruteraan yang dimilikinya memberi

kelebihan buatnya. Sebagai contoh penggunaan pam air yang mana pengiraan tekanan air penting bagi memastikan setiap beg semaian disiram dengan lebih berkesan dan sama.


Menceritakan pahit getir bergelombang dalam bidang pertanian khususnya penanaman sayur, Muhsin berkata berkebun nampak mudah tetapi risiko dalam bertani juga amat tinggi.

Selain itu, untuk menjalankan projek fertigasi memerlukan modal yang agak tinggi selain risiko penyakit tanaman, bencana banjir dan lambakan sayur dari pemborong yang mana terdapat perubahan naik dan turun harga.

Muhsin melahirkan rasa terharu dengan sokongan bekas pensyarahnya iaitu Dr. Nor Hanuni Ramli @Said dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) dan begitu juga dengan bimbingan bekas penyelidik dan pesara dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Abd Kadir Yusof, 60 yang mempunyai pengalaman hampir 36 tahun dalam mengusahakan kebun turut menyuntik semangatnya untuk terus berjaya.

Lebih bermakna galakkan dan sokongan daripada ahli keluarga terutama ibunya sentiasa menjadi pendorong untuk terus berjaya. Selain itu, pihak Jabatan Pertanian juga banyak memberikan khidmat nasihat dan bimbingan.

Muhsin tidak akan melupakan jasa dan khidmat bakti rakan-rakan alumni dan mahasiswa UMP serta staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang banyak membantu dengan menjalankan program khidmat bakti dan kesukarelawanan sewaktu menjalankan pemasangan sistem tangka dan susunan beg semaian di tapak ladang.



### **MANAGING PERFORMANCE FOR EXCELLING ORGANIZATION; A PRACTICAL APPROACH**

**Penulis** : Sitansu Panda  
**ISBN** : 978-967-2054-49-8  
**Harga** : RM51.00  
**Muka Surat** : 307  
**Bahasa** : Inggeris

**Sinopsis:**

Buku ini sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Projek dan Pengurusan Industri. Ia juga sesuai untuk Sumber Manusia, Pembangunan Strategik, pensyarah, usahawan dan sector korporat.




### **MODUL HUBUNGAN ETNIK**

**Penulis** : Hasmadi Hassan, Hasnah Hussin, Jamal Rizal Razali, Rohana Hamzah, Munira Abdul Razak, Husna Hashim dan Mohamad Azam Muhd Akhir  
**ISBN** : 978-967-2054-52-8  
**Harga** : RM25.00  
**Muka Surat** : 127  
**Bahasa** : Melayu

**Sinopsis:**

Buku ini ditulis khusus bagi rujukan para pelajar Universiti Malaysia Pahang. Ia ditulis dengan gaya dan persembahan yang mudah dipelajari dan dihayati. Hal ini sangat bertepatan kerana penawaran kursus Hubungan Etnik berlandaskan kepada perkara-perkara berikut iaitu, agenda kebangsaan dalam memupuk dan menggalakkan integrasi nasional dalam kalangan generasi muda di negara ini. Melazimkan, menerima dan menghargai perbezaan serta menjadikannya suatu kelebihan. Memupuk semangat Malaysia berdasarkan Perlembagaan Malaysia, unsure-unsur tradisional dalam Kontrak Sosial, 1 Malaysia dasar-dasar negara Malaysia, sukan, seni, aktiviti keagamaan dan kebudayaan. Menyedia dan memperlengkapkan pelajar dengan kemahiran dan keterampilan global bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan, dalaman dan luar negara.





### RAHSIA KECERDASAN SPIRITUAL TEKNIK BIOMAKLUMBALAS

**Penulis** : MUHAMMAD NUBLI ABDUL WAHAB  
**ISBN** : 978-967-2054-48-1  
**Harga** : RM30.00  
**Muka Surat** : 119  
**Bahasa** : Melayu

#### Sinopsis:

Buku ini ditulis sebagai usaha untuk menambah kefahaman pembaca berkenaan istilah asas dalam Biofeedback dan tatacara pembangunan *protocol Biofeedback* yang boleh digunakan dalam menangani isu permasalahan jiwa dan tingkah laku manusia.



### 70 TEKNIK PEMASARAN DIGITAL

**Penulis** : RAHMAH MOKHTAR, NOR AZHAR AHMAD, FAUZIAH ZAINUDDIN, DAN ROSLINA ABD.HAMID  
**ISBN** : 978-967-2054-70-2  
**Muka Surat** : 85  
**Bahasa** : Melayu

#### Sinopsis:

Buku ini terhasil daripada inspirasi beberapa siri kursus perniagaan digital yang diajar oleh semua penulis buku ini. Pemasaran menggunakan aplikasi media sosial menjadi satu kemestian dalam kalangan peniaga digital di Malaysia. Ia menjadi ikutan masa kini dan membolehkan urusanniaga digital dijalankan dengan teratur dan lancar.



# Program GIGvaganza: Bukan sekadar permainan biasa!



Oleh:  
NOOR AZLINDA ZAINAL ABIDIN  
(azlinda@ump.edu.my)  
Penulis ialah Guru Bahasa Kanan di Pusat  
Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK),  
Universiti Malaysia Pahang.

Dalam mempelajari bahasa Inggeris, kadangkala tatabahasa tidak begitu dititikberatkan kerana ia dianggap kurang penting berbanding dengan komponen bahasa Inggeris yang lain. Tidak dinafikan kesukaran mempelajari tatabahasa mengakibatkan minat terhadap bahasa berkenaan menjadi pudar. Sejak dari pendidikan awal pada zaman persekolahan sehingga kini, masalah dalam penggunaan tatabahasa masih menjadi satu isu sehingga ia terbawa-bawa ke menara gading dan juga alam pekerjaan. Rungutan demi rungutan diterima daripada pelbagai pihak berkenaan dengan kepincangan tatabahasa dalam penulisan dan pertuturan. Kesilapan ini yang kini menjadi satu kebiasaan sehingga menjejaskan kualiti bahasa Inggeris. Sebagai salah satu jalan penyelesaian yang singkat, kesalahan yang dilakukan akan diperbetulkan oleh orang lain ataupun kesilapan tersebut dibiarkan begitu sahaja.

Komponen bahasa yang dipelajari pada kebiasaannya adalah menulis, membaca, mendengar, dan bertutur. Tatabahasa akan diintegrasikan ke dalam mana-mana komponen yang berkaitan dalam pengajaran. Input bagi tatabahasa masih sukar difahami terutamanya ketika aplikasi walaupun ia telah dipelajari berpuluh-puluh tahun. Hasil daripada penulisan malah pertuturan kita menunjukkan seolah-olah tatabahasa tidak dipelajari dengan betul dan efektif. Kecelaruhan maklumat dan kefahaman berkenaan hukum serta penguasaan tatabahasa yang kurang mantap, telah menjejaskan kualiti kerja kita di dalam pertuturan serta penulisan ketika di Institusi Pengajian Tinggi (IP) mahupun di tempat kerja. Dengan senario sebegini, wajarlah pendekatan dalam pengajaran tatabahasa diberi nafas baharu. Satu pembaharuan dan perubahan perlu dilakukan dalam pendekatan pengajaran tatabahasa. Kesinambungan pendekatan pengajaran bahasa yang baharu dan lama mampu membantu dalam memberi pengajaran serta pengalaman terbaik kepada para pelajar. Ia juga diharapkan

dapat membantu dalam mengukuhkan lagi tatabahasa pada masa kini. Tidak dinafikan pelbagai usaha dilakukan bagi memperbaiki mutu tatabahasa. Mungkin kesukaran dalam penguasaan dalam tatabahasa kepada para pelajar itu menjadi satu beban kepada para guru. Namun amat diharapkan ia dapat membekalkan ilmu serta membuah hasil yang bermanfaat dan juga kesenangan kepada anak bangsa kita pada masa akan datang.

Di Universiti Malaysia Pahang (UMP), masalah dalam penggunaan tatabahasa turut diperkatakan oleh pelbagai pihak. Dalam usaha membantu para pelajar diploma khususnya, satu pendekatan baharu telah diketengahkan dalam menarik minat pelajar dalam mempelajari dan menguasai tatabahasa. *Get into Grammar* (GIG)vaganza atau lebih dikenali lagi dengan GIGvaganza merupakan satu program yang berkonsepkan permainan yang menyeluruh dalam usaha membantu memperkukuhkan lagi tatabahasa para pelajar dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan komponen tersebut. Ia telah diperkenalkan seawal tahun 2011 kepada pelajar diploma di UMP dan kini ia maju setapak lagi dan digunakan sebagai salah satu modul untuk Program Empower ECER dari 2014 sehingga tahun ini, 2017.

Program ini melibatkan pelajar Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari beberapa sekolah angkat Empower ECER di daerah Pekan, Kuantan dan Bera. Pendekatan yang diambil oleh GIGvaganza adalah lain dari biasa kerana apa yang membezakan GIGvaganza ialah ia adalah satu usaha menyeluruh dari pelajar, guru dan juga institusi ataupun sekolah dan juga masyarakat. Tatabahasa bukan lagi satu masalah pelajar yang perlu dihadapi sendiri malah sokongan dari penglibatan pelbagai kumpulan diharap dapat membantu dalam usaha memperbaiki kualiti tatabahasa para pelajar kita.

Dengan menyambut seruan Naib Canselor UMP iaitu 'Berani

berbeza', mempelajari tatabahasa melalui program GIGvaganza dapat memberi kelainan dan juga kepuasan kerana kaedah yang menyeronokkan, interaktif dalam kapasiti pelajar yang besar, GIGvaganza menarik minat para pelajar dengan ciri-ciri permainan serta mencabar minda pelajar selain menguasai tatabahasa dalam keadaan santai dan tidak tertekan. Pengisiannya tidak dinafikan pada awalnya dikira mencabar kerana pelajar perlu menguasai satu bahagian tatabahasa namun ia menjadi lebih menarik apabila aras kognitif yang lebih tinggi diterokai oleh para pelajar.

GIGvaganza turut maju setapak lagi apabila pada tahun 2016 telah dijemput oleh agensi luar iaitu Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Imtiaz Ketengah bagi menjayakan program bersama pelajar tingkatan empat seramai 142 orang. Fasa 1 dan Fasa 2 telah diadakan dengan jayanya serta penggunaan *Flipped Learning* dan *Doodle* turut diintegrasikan pada Fasa pertama GIGvaganza. Melalui beberapa penambahbaikan, ia sedikit sebanyak membantu dalam memberi lebih kualiti kepada program ini.

Pada Februari 2017 pula, GIGvaganza telah memasuki pertandingan KNovasi yang dianjurkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 15 hingga 16 Februari 2017. Hasil daripada cubaan kedua selepas MELTA *Teacher Showcase* pada 2015, penglibatan GIGvaganza ternyata membuahkan hasil setelah memenangi pingat Perak dalam pertandingan tersebut. Dengan pengiktirafan sebegini, GIGvaganza akan terus memperbaiki serta memberi satu kelainan lain dari yang lain dengan pembelajaran berkonsepkan permainan.

Perjalanan GIGvaganza masih jauh. Masih banyak lagi skop yang perlu diterokai dan kajian kini dibuat lebih terperinci agar program ini membuahkan hasil bagi jangka masa panjang. Berpandukan *Taksonomi Bloom* dari aras rendah sehinggalah aras tinggi, GIGvaganza telah berjaya menggunakan semua aras pada keseluruhannya dan kemahiran Insaniah turut diaplikasikan melalui program yang berkonsepkan permainan. Pendaftaran Hak Cipta bagi program GIGvaganza pada awal tahun ini sedikit sebanyak dapat memastikan keunikan program ini dilindungi dan dipelihara namun penambaan program itu akan terus dilaksanakan demi kebaikan para pelajar yang menjayakan program ini. Diharap dengan proses yang dilalui, pelajar dapat memahami konsep sesuatu topik tatabahasa dengan lebih mudah dan berkesan secara santai dan menyeronokkan.





## Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**

Pejabat Naib Canselor

Aras Bawah, Anjung Selatan

Canseleri Tun Abdul Razak

Universiti Malaysia Pahang

26600 Pekan

Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 424 5000

Faks : 09 424 5055

e-Mel : [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)



UMPMalaysia